UPM

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

TOWARDS A WORLD CLASS UNIVERSITY

laporan tahunan
annual report
2004

upm
S
539
M3
U548
2004

doi: 10.47836/upm.ir.111143

1000564313

KAND

1 SELAYANG PANDANG ★ 2 MISI ★ 3 M
★ 5 CANSELOR DAN PRO-CANSELOR ★
★ 8–9 SENAT ★ 10–11 STRUKTUR ORGA
VERSITI ★ 14–32 LAPORAN NAIB CANSE
LAJARAN ★ 49–56 PEMBANGUNAN MAHA
PENYELIDIKAN ★ 79–86 KEGEMI
BERKUALITI ★ 97–104 PENGURU
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI ★
★ 125–132 PERKHIDMATAN PRO
ANTARABANGSA ★ 145–156 DIA

Contents

★ 8–9 SE
AG
LEARN
★ 79–

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD UPM

1000564313

Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia

TARIKH DIPULANGKAN (DATE DUE)



099001653

UPM
S
539
M3
U548
2004

Selayang Pandang

Glimpses of 2004

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
ARKIB
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia

Koleksi Malaysiana

PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- Khawarizmi International Award ke-17
- Malaysia Toray Science Foundation Award
- Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam
- The Outstanding Young Malaysian Awards
- 2 emas, 6 perak, 2 gangsa di Palexpo, Geneva
- 3 emas, 1 perak, 1 gangsa, 3 Anugerah Khas di Inpex, USA
- 5 emas, 3 perak di BIS, London
- 3 emas, 2 perak, 1 Anugerah Khas di IENA, Jerman
- 1 emas, 2 perak, 5 gangsa di I-TEX, Kuala Lumpur
- 23 pingat di Pameran S&T, Kuala Lumpur
- Geran berjumlah RM 191.48 juta

PATEN DAN KOMERSIALISASI

- 33 produk dikomersilkan
- 250 dalam proses pengkomersilan
- 4 berjaya menerima sijil paten
- 74 produk telah didaftarkan (patent pending)
- 32 dalam proses permohonan paten

PENERBITAN

- 1,362 artikel jurnal, 2,123 kertas persidangan, 319 abstrak, 117 buku, 49 laporan konsultasi, 314 lain-lain penerbitan

ISO 9001:2000

- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Pusat Kesihatan Mahasiswa
- Pejabat Pendaftar

AGROBIO

- Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian
- 35% daripada peruntukan Belanja Mengurus
- 121 projek penyelidikan daripada 498 yang diluluskan

ENTITI BARU

- Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
- Fakulti Pengajian Alam Sekitar
- Akademi Sukan
- Pusat Pembangunan Akademik (CADe)

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan terbaik di Malaysia dan tangga ke-7 di Asia
- Enrolmen pelajar siswazah 4,682
- Enrolmen pelajar pra siswazah 21,425
- Jumlah graduan 10,386

RESEARCH ACHIEVEMENTS

- 17th Khawarizmi International Award
- Malaysia Toray Science Foundation Award
- Public Service Innovation Award
- The Outstanding Young Malaysian Awards
- 2 gold, 6 silver, 2 bronze medals at Palexpo, Geneva
- 3 gold, 1 silver, 1 bronze, 3 Special Awards at Inpex, USA
- 5 gold, 3 silver at BIS, London
- 3 gold, 2 silver, 1 Special Award at IENA, Germany
- 1 gold, 2 silver, 5 bronze at I-TEX, Kuala Lumpur
- 23 medals at S&T, Exhibition, Kuala Lumpur
- Grants amounting RM 191.48 million

PATENT AND COMMERSIALISATION

- 33 commercialised products
- 250 products in the process of commercialisation
- 4 products have successfully received patent certificates
- 74 products have been registered (patent pending)
- 32 products in the process of patent application

PUBLICATION

- 1,362 journal articles, 2,123 conference papers, 319 abstracts, 117 books, 49 consultation reports, 314 other publications

ISO 9001:2000

- Faculty of Economics and Management
- Student Health Centre
- Registry

AGROBIO

- Agricultural Education Excellence Centre
- 35 % of the Operating Expenditure allocation
- 121 research projects out of 498 has been approved

NEW ENTITIES

- Faculty of Biotechnology and Biomolecular Science
- Faculty of Environmental Science
- Sports Academy
- Centre for Academic Development (CADE)

TEACHING AND LEARNING

- Best Graduate Management School in Malaysia and the 7th Best in Asia
- Enrolment of 4,682 graduate students
- Enrolment of 21,425 undergraduates
- Total of 10,386 graduates

MISI

Wawasan Universiti

ialah untuk menjadi Universiti

Bertaraf Dunia

Misi Universiti adalah menjadi Pusat Pembelajaran dan Penyelidikan yang unggul, yang memberikan sumbangan bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu, tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

Mission

The University's Vision is to be a World Class University

The University's mission is to be a leading Centre of Learning and Research, contributing not only towards human advancement and discovery of knowledge, but also to the creation of wealth and nation building.

1000564318

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

MATLAMAT

GOALS

UPM telah menetapkan lapan matlamat untuk merealisasikan wawasannya. Setiap matlamat berikut mempunyai objektif khusus, iaitu dalam bentuk yang boleh diukur pencapaiannya. Pencapaian setiap objektif bergantung kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan masing-masing. Kelapan-lapan matlamat tersebut adalah seperti berikut :

- Melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan;
- Menjadikan UPM, Universiti yang terkemuka dalam bidang penyelidikan;
- Meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pengajian dan perkhidmatan pertanian dan biosumber terkemuka di peringkat antarabangsa;
- Memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan;
- Membangunkan sumber manusia serta persekitaran profesional yang cemerlang;
- Membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui e-Universiti;
- Menjana dan mengurus sumber kewangan Universiti secara cekap dan berkesan; dan
- Meningkatkan kedudukan UPM sebagai Pusat Perkhidmatan Pembangunan Profesional dan Pendidikan Lanjutan

DASAR KUALITI

Kami, staf Universiti Putra Malaysia beriltizam ke arah kecemerlangan melalui penerapan budaya kualiti dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional untuk memenuhi ekspektasi pelanggan.

UPM has established eight goals to realize its vision. Each goal has its own specific objectives, set forth in such a way that achievements can be measured.The achievement of each objective depends on the execution of the respective master plans.The eight goals are as follows:

- To produce quality graduates who are competitive and resilient through lifelong learning;
- To transform UPM into a renowned research university;
- To enhance UPM's capability as a centre for learning and teaching in agricultural knowledge and technology.
- To enhance a quality management system that is effective, efficient, transparent and client-friendly;
- To create and develop an excellent human resources and professional environment;
- To promote an Information and Communication Technology(ICT) culture through e-University;
- To generate and manage University's financial resources effectively, and
- To establish UPM as a centre for professional development services and continuing education.

QUALITY POLICY

We, the staff of University Putra Malaysia, are committed towards excellence through the inculcation of quality culture in teaching, research and professional service, to fulfil the expectations of our clients.

ETIKA KERJA
Work Ethics

ETIKA KERJA

Takrif

Etika kerja merupakan prinsip dan panduan tingkah laku yang menjadi pegangan oleh setiap staf Universiti Putra Malaysia yang berlandaskan nilai murni sejagat.

Objektif

- Menanamkan sifat positif dalam melaksanakan tugas yang diberi serta dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan
- Meningkatkan disiplin diri bagi menghasilkan perkhidmatan cemerlang dengan memenuhi kehendak pelanggan dan organisasi
- Memberikan sumbangan positif yang berterusan kepada negara

Prinsip

Etika Kerja Universiti Putra Malaysia perlu dilaksanakan dan dihayati berdasarkan prinsip yang berikut :

- Niat yang betul
- Perlakuan yang baik
- Penggerak ke arah kebaikan
- Memperkotakan apa yang dikatakan
- Beradab
- Kekitaan, kesetiaan, syura dan muafakat

Nilai Murni

Terdapat dua belas nilai murni yang menyokong Etika Kerja Universiti Putra Malaysia, iaitu :

- Amanah
- Adil
- Benar dan Telus
- Bijaksana
- Bersyukur dan Sabar
- Cekap, Cepat dan Tepat
- Ikhlas
- Penyayang
- Berdisiplin
- Jujur
- Bertanggungjawab
- Berdedikasi

WORK ETHICS

Definition

Work ethics are the conduct principles and behavioural guidelines that are based on good universal values adhered to by every staff of University Putra Malaysia.

Objectives

- To instill positive attitudes in discharging given tasks and duties that will improve the quality of service.
- To improve the level of self-discipline towards producing excellent services that meet the needs of the clients, as well as the organisation.
- To provide continuous, positive contributions to the nation.

Principles

University Putra Malaysia's work ethics should be implemented and practised based on the following principles.

- Having the right intention
- Showing excellent conduct
- Promoting goodness in society
- Executing all duties as promised
- Exhibiting good manners
- Upholding the spirit of loyalty, togetherness,consensus and unity

Noble Values

There are twelve core values that are the underlying cornerstone of UPM's Work Ethics and they are as follows :

- Trustworthiness
- Justice
- Truthfulness and transparency
- Wisdom
- Gratefulness and patience
- Efficiency, promptness and accuracy
- Sincerity
- Compassion
- Discipline
- Honesty
- Responsibility
- Dedication

Canselor / Chancellor

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al - Haj

Pro-Canselor / Pro-Chancellors

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin

Lembaga Pengarah

Pengarah

Y. Bhg Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff Haji Hussain

Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Yahya Nordin

Y. Bhg. Datuk Dr. Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir

Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardaie

Board of

Directors

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Lee Shen Cheng

Encik Md. Saad Hashim

Encik Kamalul Aripin Musa

Y. Bhg. Datuk Sulaiman Daud



Y. Bhg Datuk Haji Isahak Mohd. Yusuf

PENGERUSI / CHAIRMAN

* Y. Bhg. Datuk Ramly Ahmad
(Sehingga 14 Mac 2004 / until 14 March 2004)

Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff Haji Hussain (Mulai 23 Jun 2004 / effective 23 June 2004)

AHLI / MEMBERS

Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardaie
(Naib Canselor / Vice Chancellor)

* Y. Bhg. Dato' Ambrin Buang
(sehingga 9 April 2004 / until 9 April 2004)

Y. Bhg. Dato' Mohd Yahya Nordin
(mulai 1 Jun 2004 / effective 1 June 2004)

* Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
(sehingga 24 Januari 2004 / until 24 January 2004)

Encik Md. Saad Hashim
(mulai 1 Ogos 2004 / effective 1 August 2004)

Y. Bhg. Datuk Dr. Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir

Y. Bhg Datuk Haji Isahak Mohd. Yusuf

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Lee Shen Cheng

* Y. Bhg. Datuk Patrick Lim Soo Kit
(sehingga 14 Mac 2004 / until 14 March 2004)

Y. Bhg. Datuk Sulaiman Daud
(mulai 15 Mac 2004 / effective 15 March 2004)

SETIAUSAHA / SECRETARY

Encik Kamalul Aripin Musa
(Pendaftar / Registrar)

* *Tiada dalam gambar*

SENAT

Senate

Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardaie
- Naib Canselor / Vice - Chancellor

AHLI / MEMBERS

Prof. Dr. Hj. Muhamad Awang
- Timbalan Naib Canselor (Akademik)
- Deputy Vice - Chancellor (Academic Affairs)

Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Deputy Vice - Chancellor (Development)

Prof. Madya Dr. Azali Mohamed
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Deputy Vice Chancellor (Student Affairs)

Prof. Madya Dr. Rosli Talif
- Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
- Dean, Faculty of Modern Languages and Communication

Prof. Dr. Rozumah Baharuddin
- Dekan, Fakulti Ekologi Manusia
- Dean, Faculty of Human Ecology

Prof. Madya Hj. Zainal Abidin Kidam
- Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Dean, Faculty of Economics and Management

Prof. Dr. Mohd Zamri Saad
- Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar
- Dean, Faculty of Veterinary Medicine

Prof. Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi
- Dekan, Fakulti Kejuruteraan
- Dean, Faculty of Engineering

Prof. Madya Dr. Zakaria Kasa
- Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan
- Dean, Faculty of Educational Studies

Prof. Dr. Mohd Hamami Sahri
- Dekan, Fakulti Perhutanan
- Dean, Faculty of Forestry

Prof. Dr. Mohd. Khanif Yusop
- Dekan, Fakulti Pertanian
- Dean, Faculty of Agriculture

Prof. Madya Dr. Mustafa Kamal Mohd Shariff
- Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Senibina
- Dean, Faculty of Design and Architecture

Prof. Madya Dr. Abd. Azim Abdul Ghani
- Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- Dean, Faculty of Computer Science and Information Technology

Prof. Dr. Jinap Selamat
- Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
- Dean, Faculty of Food Science and Technology

Prof. Dr. Azhar Md. Zain
- Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Dean, Faculty of Medicine and Health Sciences

Prof. Dr. Wan Md. Zin Wan Yunus
- Dekan, Fakulti Sains
- Dean, Faculty of Science

Prof. Dr. Aini Ideris
- Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah
- Dean, School of Graduate Studies

Prof. Madya Dr. Arfah Salleh
- Pemangku Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan
- Acting Dean, Graduates School of Management

Prof. Dr. Dahlan Ismail
- Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPMKB)
- Dean, Faculty of Agriculture and Food Science (UPMKB)

Prof. Dr. Abu Bakar Salleh
- Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
- Dean, Faculty of Biotechnology and Biomolecular Science

Prof. Dr. Md. Nasir Shamsuddin
- Dekan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar
- Dean, Faculty of Environmental Studies

Prof. Dr. Mohd Azmi Mohd Lila
- Pengarah, Institut Biosains
- Director, Institute of Bioscience

Prof. Dr. Syed Tajuddin Syed Hassan
- Pengarah, Akademi Hutan Hujan
- Director, Rainforest Academy

Prof. Dr. Abdul Aziz Sahari
- Pengarah, Pusat Pendidikan Luar
- Director, Centre for External Education

Prof. Dr. Rahim Md Sail
- Pengarah, Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA)
- Director, Institute of Community and Peace Studies (PEKKA)

Prof. Dato' Dr. Kamel Ariffin Mohd Atan
- Pengarah, Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM)
- Director, Institute of Mathematical Research (INSPEM)

Prof. Dr. Borhanuddin Mohd Ali
- Pengarah, Institut Multimedia dan Perisian (IMP)
- Director, Institute of Multimedia and Software (IMP)

Y.M Prof. Madya Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid
- Pengarah, Institut Gerontologi
- Director, Institute of Gerontology

Cik Badilah Saad
- Pemangku Ketua Pustakawan
- Acting Chief Librarian

Prof. Dr. Salmah Yusof
Prof. Ir. Dr. Shahnon Basri
Prof. Dr. Zakariah Abdul Rashid
Prof. Ir. Dr. Desa Ahmad
Prof. Dr. Mohd Ali Hassan
Prof. Dr. Fatimah Mohd. Arshad
Prof. Dr. Mahiran Basri
Prof. Dr. Wan Omar Abdullah
Prof. Dr. Shaik Mohd Noor Alam SM Hussain
Prof. Dr. Abdul Rahman Md. Aroff
Prof. Dr. Sariah Meon
Prof. Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din
Prof. Dr. Kaida Khalid

SETIAUSAHA / SECRETARY

Puan Chek Zan Kasah
- Ketua Bahagian Akademik
- Head of Academic Section

Struktur Organisasi



Organisational

FAKULTI/ INSTITUT/ SEKOLAH AKADEMI/ PUSAT

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Fakulti Ekologi Manusia
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Fakulti Kejuruteraan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Fakulti Perhutanan
Fakulti Pertanian
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Fakulti Perubatan Veterinar
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Fakulti Sains
Fakulti Pengajian Alam Sekitar
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (Kampus Bintulu)
Sekolah Pengajian Siswazah
Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan
Institut Biosains
Institut Multimedia dan Perisian
Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA)
Institut Teknologi Maju (ITMA)
Institut Gerontologi
Institut Penyelidikan Matematik
Akademi Sukan
Akademi Hutan Hujan
Pusat Pendidikan Luar
Pusat Islam
Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Pusat Pembangunan Perniagaan
Pusat Pembangunan Akademik (CADe)
Pusat Perkhidmatan Kerjaya & Alumni
Pusat Pemajuan Profesional (PACE)
Taman Pertanian Universiti

FACULTIES/ INSTITUTES / SCHOOLS/ ACADEMIES/ CENTRES

Faculty of Modern Languages and Communication
Faculty of Human Ecology
Faculty of Economics and Management
Faculty of Engineering
Faculty of Educational Studies
Faculty of Forestry
Faculty of Agriculture
Faculty of Medicine and Health Science
Faculty of Veterinary Medicine
Faculty of Design and Architecture
Faculty of Science
Faculty of Environmental Studies
Faculty of Computer Science and Information Technology
Faculty of Food Science and Technology
Faculty of Biotechnology and Biomolecular Sciences
Faculty of Agriculture and Food Science (Bintulu Campus)
School of Graduate Studies
Graduate School of Management
Institute of Bioscience
Institute of Multimedia and Software
Institute of Community and Peace Studies (PEKKA)
Institute of Advanced Technology (ITMA)
Institute of Gerontology
Institute of Mathematical Research
Sports Academy
Rainforest Academy
Centre for External Education
Islamic Centre
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Cultural and Arts Centre
Research Management Centre
University Business Centre
Centre for Academic Development (CADe)
Centre for Career Services and Alumni
Professional Advancement Centre (PACE)
University Agriculture Park

Structure

Pihak

Pengurusan UNIVERSITI

Prof. Madya Dr. Azali Mohamed

Prof. Dr. Muhamad Awang

Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardaie

University

Management

Encik Zulkifli Othman



Tuan Haji Kamalul Aripin Musa

Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah

NAIB CANSELOR / VICE - CHANCELLOR
Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardaie
Dip. Agric. (Malaya), B.S., M.S.
(California, Davis), Ph.D.(Cornell), M.I.E.M., P.Eng.

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK) /
DEPUTY VICE - CHANCELLOR(ACADEMIC AFFAIRS)
Prof. Dr. Muhamad Awang
Drs.(ITB), Ph.D.(Sheffield)

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PEMBANGUNAN) /
DEPUTY VICE - CHANCELLOR (DEVELOPMENT)
* Prof. Dr. Makhdzir Mardan
Dip. Agric.(UPM),B.S. (California, Davis),M.S.,Ph.D. (Oregon State)
(sehingga 31Mei 2004 / until 31 May 2004)
Prof. Dr. Nik Mustafa Raja Abdullah
Dip. Agric.(UPM), B.S., M.S.(Louisiana State), Ph.D.(Guelph)
(mulai 1Jun 2004 / effective 1 June 2004)

Cik Badillah Saad

TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR) /
DEPUTY VICE - CHANCELLOR (STUDENT AFFAIRS)
* Prof.Dr. Abdullah Al-Hadi Mohamed
B.A. (Hons.) (UKM), M.S.
(sehingga 29 Februari 2004 / until 29 February 2004)
(Eastern Michigan), Ph.D. (Malaya)
Prof. Madya Dr. Azali Mohamed
Dip.Agric.,B.Sc.(UPM),M.Sc., Ph.D. (Cardiff)
(Mulai 16 Mei 2004 / effective 16 May 2004)

PENDAFTAR / REGISTRAR
Tuan Haji Kamalul Aripin Musa
B.A.(Hons) (Malaya)

PEMANGKU BENDAHARI / ACTING BURSAR
Encik Zulkifli Othman

KETUA PUSTAKAWAN / CHIEF LIBRARIAN
* Kamariah Abdul Hamid
A.L.A.(London), M.L.S. (Hawaii)
(sehingga 22 Februari 2004 / *until 22 February 2004)*

PEMANGKU KETUA PUSTAKAWAN /
ACTING CHIEF LIBRARIAN
Cik Badillah Saad
(mulai1 Mei 2004 /effective 1 May 2004)

* *Tiada dalam gambar*

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardaie

Laporan Naib Canselor
Vice Chancellor's Report

Misi Universiti adalah menjadi Pusat Pembelajaran dan Penyelidikan yang unggul, yang memberikan sumbangan bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu, tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.



Pendahuluan

Tahun 2004 mencatatkan pelbagai peristiwa pahit dan manis dalam diari Universiti Putra Malaysia (UPM). Ia merupakan satu tahun yang penuh dengan cabaran dan catatan peristiwa turut menggambarkan kematangan UPM untuk bersaing di pentas antarabangsa. Bagi UPM, sesuatu halangan yang mendatang dianggap sebagai cabaran yang seharusnya dihadapi secara bersama oleh seluruh warganya. Namun demikian, sesuatu cabaran itu sentiasa dipandang secara positif baharulah kita dapat mengharunginya dengan penuh ketabahan dan akhirnya kejayaan menyebelahi kita.

Enrolmen dan Pengambilan Pelajar

Enrolmen pelajar pra siswazah pada Semester Pertama 2004/2005 adalah seramai 23, 266 orang manakala enrolmen pelajar Semester Kedua 2004/2005 adalah seramai 21, 425 orang.

Bagi pelajar pasca siswazah pula, enrolmen untuk tahun 2004 ialah seramai 4,682 orang. Daripada jumlah tersebut enrolmen untuk pelajar Master ialah seramai 3,526 orang dan pelajar Doktor Falsafah (Ph.D) seramai 1,156 orang.

Pada sesi akademik 2004/2005, pengambilan pelajar pra siswazah iaitu di peringkat Bacelor dan Diploma mencatatkan jumlah keseluruhannya seramai 6,249 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 5,572 mengambil ijazah peringkat Bacelor dan selebihnya iaitu 670 mengikuti program Diploma. Pengambilan ini melibatkan Kampus Induk di Serdang dan juga di Kampus Bintulu.

Introduction

The year 2004 saw the recording of many bitter and sweet memories in the diary of Universiti Putra Malaysia. It was a year filled with great challenges and events that reflected UPM's maturity in the international arena. For UPM, each obstacle that comes in its way is seen as a challenge faced by the entire university community. It is only when each emerging challenge is seen from a positive viewpoint will be able to overcome it with great resolution and courage so that in the final analysis, success can be on our side.

Student Intake and Enrolment

The first semester 2004/2005 saw the enrolment of 23,266 undergraduates while in the second semester two 2004/2005, UPM enrolled 21,425 students at the undergraduate level.

For the post-graduate level, the enrolment for the year 2004 was 4,682 students.From this total 3,526 were Masters students and 1,156 Doctor of Philosophy(Ph.D) candidates who registered to pursue their studies at UPM. On the whole,during the academic session 2004/2005, the undergraduate intake at the Bachelor's and Diploma levels totalled 6,249

segala perancangan dan aktiviti sepanjang tahun 2004 disusun lebih rapi ke arah pencapaian matlamat

JADUAL PENGAMBILAN PELAJAR / PRA SISWAZAH SESI AKADEMIK 2004/2005		
Bil. Peringkat Pengajian / Kampus	**Semester Pertama**	**Semester Kedua**
1. Kampus Induk, Serdang		
a) Ijazah Bacelor	5,500	7
b) Diploma	437	0
2. Kampus Bintulu		
a) Ijazah Bacelor	72	0
b) Diploma	233	0
JUMLAH BESAR	**6,249**	**7**

Seramai 5,500 pelajar peringkat Bacelor dan 437 pelajar peringkat Diploma mendaftar di Kampus Induk, Serdang. Kampus Bintulu menerima seramai 72 pelajar peringkat Bacelor dan 233 pelajar peringkat Diploma. Pengambilan sesi akademik kali ini menyaksikan Semester Kedua hanya menerima kemasukan seramai 7 orang pelajar iaitu di Fakulti Rekabentuk dan Senibina yang mengikuti program Bacelor Seni Bina.

students. From this total, 5,572 of them registered for the Bachelor's degree while the other 670 enrolled for the Diploma programme. This intake encompassed both the main Sedang Campus as well as the one in Bintulu. A total of 5,500 students at Bachelor level and 437 at Diploma level enrolled at the Main Campus in Serdang. The Bintulu Campus received a total of 72 students at Bachelor's

UNDERGRADUATE INTAKE SCHEDULE FOR 2004/2005 ACADEMIC SESSION		
No. Study Level / Campus	**First Semester**	**Second Semester**
1. Main Campus, Serdang		
a) Bachelor's degree	5,500	7
b) Diploma	437	0
2. Bintulu Campus		
a) Bachelor's degree	72	0
b) Diploma	233	0
GRAND TOTAL	**6,249**	**7**

level and 233 students at Diploma level. Semester two saw the registration of only 7 students and these students enrolled in the Faculty of Design and Architecture to take up the Bachelor of Architecture degree.

Penyelidikan dan Pembangunan

Selaras dengan matlamat menjadikan UPM sebuah universiti yang terkemuka dalam bidang penyelidikan, segala perancangan dan aktiviti sepanjang tahun 2004 disusun lebih rapi ke arah pencapaian matlamat tersebut. Dalam aspek peruntukan dana penyelidikan atau geran, UPM masih mengekalkan reputasi sebagai penerima *Intensification of Research in Priority Areas* (IRPA) tertinggi sejak Rancangan Malaysia ke-6 (RMK-6). Di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) iaitu sehingga Disember 2004, UPM berjaya menerima peruntukan sebanyak RM 167 juta.

Menerusi geran ini, UPM berjaya menjalankan pelbagai penyelidikan dan pembangunan produk baru terutamanya dalam sektor agroindustri. Sektor ini berjaya menjalankan penyelidikan sebanyak 121 projek daripada jumlah keseluruhan projek yang diluluskan iaitu sebanyak 498. Hal ini bersesuaian dengan *niche* UPM iaitu AgroBio.

Selain itu, UPM turut memperolehi geran *Top Down National Biotechnology* daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berjumlah RM14,999,611. Daripada peruntukan tersebut sebanyak 9 projek penyelidikan telah dimulakan. Jumlah tersebut lebih besar berbanding tahun yang lalu iaitu hanya RM9,954,594.

Research and Development

In line with the aim of making UPM a world class research institution for learning, intense efforts and planning were carefully initiated and geared towards the achievement of that goal. In the aspect of research grants, UPM still maintains its reputation as the highest recipient of the Intensification of Research in Priority Areas (IRPA) grant since the Sixth Malaysian Plan (EMP-6). Under the Eighth Malaysian Plan (EMP-8),ending December 2004, UPM secured an allocation of RM 167 million.

Using this grant, UPM successfully carried out various research projects and developed new research products especially in the agro-industrial sector. This sector carried out 121 out of the total 498 projects that were approved. This is synonymous with the fact that UPM's niche is AgroBio.

Apart from the above, UPM obtained the Top Down National Biotechnology grant from the Ministry of Science, Technology and Innovation amounting RM14,999,611. This allocation was used to initiate 9 research projects. This is a big increase when compared to the amount of RM9,954,594 received the previous year.

In 2004, UPM researchers continued to carry out research activities that were

Pada 2004, penyelidik UPM juga masih meneruskan kerja-kerja penyelidikan yang diperuntukkan di bawah Geran Penyelidikan Fundamental iaitu anjuran Kementerian Pendidikan. Sebanyak 105 projek penyelidikan masih berterusan menggunakan peruntukan tersebut.

Sepanjang 2004, UPM menggiatkan usaha mempatenkan hasil penyelidikan dan mengkomersialkannya. Daripada keseluruhan hasil penyelidikan UPM untuk tahun 2004, sebanyak 111 permohonan paten telah dibuat sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia. 74 daripadanya telah didaftarkan (pending) ke Perbadanan Harta Intelek (PHIM) di bawah Akta Paten 1983 dan 32 yang lainnya sedang dalam proses permohonan. Empat reka cipta telah berjaya mendapat sijil paten dengan tiga daripadanya adalah daripada Fakulti Kejuruteraan iaitu *Putra Block* (Prof. Madya Dr. Mohd. Razali Abdul Kadir), *HO-meter* (Prof. Madya Dr. Husaini Omar) dan *Stone Mastic Asphalt With Cellulose Oil Palm Fiber* (En. Ratnasamy Muniandy). Manakala reka cipta daripada Fakulti Sains yang berjaya mendapatkan sijil paten ialah *Latexometer* (Prof. Dr. Kaida Khalid).

Anugerah dan Pencapaian

Menyentuh soal pencapaian dan kejayaan penyelidikan di UPM sudah tentu memberikan khabar gembira kepada semua pihak. Kejayaan meraih pelbagai anugerah di peringkat nasional mahu pun antarabangsa sedikit sebanyak berjaya mengangkat reputasi UPM sebagai sebuah universiti terunggul.

Pada tahun 2004, UPM berjaya meraih sebanyak 34 pingat atau anugerah di peringkat antarabangsa. Di *Geneva 32nd International Exhibition and Invention of New Techniques and Products,* saintis UPM berjaya menggondol 2 pingat Emas, 6 Perak, dan 2 Gangsa. Manakala di Pameran INPEX (*Inventionand New Product Exposition),* Pittsburgh, USA, delegasi UPM seramai 4 saintis telah memenangi 3 pingat Emas, 1 Perak dan 1 Gangsa. Wakil UPM juga turut memenangi 3 anugerah khas dalam pameran itu. UPM juga berjaya mencipta sejarah baru apabila memenangi 5 Emas dan 3 Perak di *British Invention Show*. Dalam Pameran IENA yang berlangsung di Jerman sekali lagi penyelidik UPM berjaya membuktikan keunggulannya apabila memenangi 3 emas, 2 perak dan 1 anugerah khas.

Pada Pameran *I-TEX (International Invention, Innovation and Technology Exhibition and Competition) 2004* yang diadakan di Kuala Lumpur, panyelidik UPM memenangi 1 emas, 2 perak dan 5 gangsa

allocated under the Fundamental Research Grant provided by the Ministry of Education. A total of 105 projects still continue to use this allocation.

Throughout 2004, UPM stepped up its efforts to patent its research findings and commercialise them. From the total number of UPM's research findings for 2004, 111 patent applications were made both locally and internationally. 74 of them were registered (pending) with the Intellectual Property Authority (PHIM) under the Patent Act 1983 dan 32 others are in the process of application. Four designs successfully obtained patent certificates and three of them were were from the Faculty of Engineering. They are Putra Block (Prof. Madya Dr. Mohd. Razali Abdul Kadir), HO-meter (Prof. Madya Dr. Husaini Omar) dan Stone Mastic Asphalt With Cellulose Oil Palm Fiber (Mr. Ratnasamy Muniandy). Whereas the design from the Faculty of Science that was successfully patented was Latexometer (Prof. Dr. Kaida Khalid).

Awards and Achievements

On the issue of achievement and successful research carried out at UPM, it was definitely a joyous one for all parties. The winning of numerous awards at both national and international levels has successfully enhanced the UPM's reputation as a university of excellence.

In 2004, UPM won 34 medals or awards at the international level. At the Geneva 32nd International Exhibition and Invention of New Techniques and Products, UPM scientists wrested 2 gold, 6 silver and 2 bronze medals. Whereas at the INPEX exhibition (Invention and New Product Exposition), Pittsburgh, USA, the UPM delegation of 4 scientists won 3 gold, 1 silver and 1 bronze. UPM's representatives also won 3 special awards in that exhibition. UPM succeeded in creating a historic milestone when it won 5 golds and 3 silvers at the British Invention Show. In the IENA exhibition that took place in Germany, UPM's researchers once again proved their mettle when they won 3 golds, 2 silvers and 1 special award.

In the I-TEX exhibition (International Invention, Innovation and Technology Exhibition and Competition) 2004 that was held in Kuala Lumpur, UPM researchers won 1 gold, 2 silver and 5 bronze medals. Profesor Dr. Mahiran Basri was selected as the winner of the special Ram Rais Bio-Technology Award.

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
1000564313

Manakala Profesor Dr. Mahiran Basri dipilih sebagai pemenang anugerah khas: *Ram Rais Bio-Technology Award*.

Pameran peringkat kebangsaan juga mencatat kejayaan buat penyelidik UPM yang menyertainya di Pameran Sains dan Teknologi pada Ogos 2004. UPM berjaya membawa pulang sebanyak 23 pingat daripada 26 penyertaan di pameran tersebut.

Selain kejayaan yang dicapai di pameran reka cipta, UPM juga telah berjaya memperoleh anugerah 18th *Khawarizmi International Award* melalui Profesor Dr. Yaakob Che Man dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan. Profesor Dr. Yaakob juga telah memenangi Anugerah *Malaysia Toray Science Foundation*. Anugerah Saintis Cemerlang 2004, telah dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, dan seramai 14 saintis UPM berjaya menerima pengiktirafan di majlis yang berprestij itu.

Satu lagi pencapaian yang membanggakan universiti ini ialah pengiktirafan kepada Profesor Dr. Mohd Azmi Lila apabila diumumkan pemenang Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 2004 melalui penyelidikannya bertajuk 'Nucleoceptin Vaksin Unggul Untuk Pemandulan Haiwan'. Sekali lagi Profesor Dr. Mohd Azmi dan Dr. Wong Shaw Voon diumum sebagai '*The Outstanding Young Malaysian Awards 2004*' dalam kategori Pembangunan Teknologi Saintifik.

UPM researchers also received accolades at the national level Science and Technology exhibition in August 2004 by bringing home 23 medals out of the 26 submissions for participation at the exhibition.

Besides the success achieved in design exhibitions, UPM also received the 18th Khawarizmi International Award through Profesor Dr. Yaakob Che Man from the Faculty of Food Science and Technology. Profesor Dr. Yaakob also won the Malaysia Toray Science Foundation award. The Excellent Scientist Award 2004 was sponsored by the Ministry of Higher Education and a total of 14 scientists successfully received their recognition at this very prestigious event.

Another achievement that made the University proud was the recognition given to Profesor Dr. Mohd Azmi Lila who was announced as the winner of the coveted Public Service Innovation 2004 Award for his research entitled 'Nucleoceptine Vaccine for the infertility of animals'. Once again Profesor Dr. Mohd Azmi dan Dr. Wong Shaw Voon were announced as winners of 'The Outstanding Young Malaysian Awards 2004' in the Scientific Technology Development category.

ANUGERAH PERINGKAT ANTARABANGSA				
Pameran dan Tempat	**Emas**	**Perak**	**Gangsa**	**Anugerah khas**
32nd International Exhibition & Invention of New Techniques and Products, Geneva	2	6	2	
INPEX, Pitsburgh, USA	3	1	1	3
British Invention Show	5	3		
IENA, Jerman	3	2		1

Pertanian dan Biosumber

UPM sentiasa terkedepan dalam merencanakan agenda pertanian negara. Dalam ucapan Bajet 2005 di Parlimen pada September 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan bahawa UPM akan dijadikan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian. UPM menganggap pengumuman itu sebagai satu pengiktirafan di atas usaha universiti dalam memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

Agriculture and Bioresources

UPM is always in the forefront of planning the agricultural agenda for this nation. In his 2005 Budget speech at Parliment in September 2004, the Honourable Prime Minister Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, announced that UPM will be made as the Centre of Excellence for the Education of Agriculture. UPM regards this announcement as one of recognition for the efforts taken by the university and its contribution to the development of the economic sector of the country.

In line with this, UPM has taken proactive steps to make itself the Centre of Excellence for the Education of Agriculture as well as enhancing its contribution in the agricutural sector. This matter was raised in the visit made by the UPM delegation to meet the Prime Minister at Putrajaya on 8 November 2004. The initiatives are as follows:

- Firstly, to establish the Institute of Research for Agricultural Policies and Food to identify,analyse and provide solutions for major problems in the agricultural and food sector ;
- Secondly, to set up the Institute of Halal food as a reference centre for the system of identifying and certifying halal food;

Dalam ucapan Bajet 2005 di Parlimen pada September 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan bahawa UPM akan dijadikan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian

Selaras dengan itu, UPM mengambil langkah proaktif dengan menyusun inisiatif bagi menjadikan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian serta memantapkan lagi sumbangan UPM dalam kemajuan sektor pertanian. Perkara ini telah dibentangkan dalam pertemuan delegasi UPM dengan Perdana Menteri di Putrajaya pada 8 November 2004. Inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- Pertama, menubuhkan Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan untuk mengenal pasti, menganalisis dan memberi opsyen dasar kepada masalah utama sektor pertanian dan makanan;
- Kedua, menubuhkan Institut Makanan Halal sebagai pusat rujukan sistem pengesahan dan pensijilan makanan halal;
- Ketiga, menubuhkan Institut Biokomposit Tropika untuk menjalankan penyelidikan penerokaan biokomposit bagi produk baru.
- Keempat, menubuhkan Institut Pengembangan Pertanian bagi menjalankan kajian pengembangan dan memberi latihan kepada agen pengembangan;

INTERNATIONAL AWARDS

Exhibition and Place	Gold	Silver	Bronze	Special Awards
32nd International Exhibition& Invention of New Techniques and Products, Geneva	2	6	2	
INPEX, Pitsburgh, USA	3	1	1	3
British Invention Show	5	3		
IENA, Germany	3	2		1

- Thirdly, to set up the Institute of Tropical Biocomposite to carry out pioneering research for new products;
- Fourthly, to establish the Institute for Agricultural Extension to carry out extension research and provide training to extension agents ;
- Fifthly, to initiate the Centre for the Development of Agricultural Entrepreneurs for the incubating and producing agriculture entrepreneurs;
- Sixthly, to set up a Centre for Strategic Research and Food Innovation to focus on research in safety and quality

UPM sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang sekian lama memberi sumbangan penting dalam mendidik dan melatih tenaga berpengetahuan serta mahir dalam bidang pertanian.

- Kelima, menubuhkan Pusat Pembangunan Usahawan Tani bagi menginkubasi dan melahirkan usahawan pertanian;
- Keenam, menubuhkan Pusat Kajian Strategik dan Inovasi Makanan bagi menumpukan penyelidikan dalam keselamatan dan kualiti makanan, makanan fungsian dan ramuan makanan bernilai tinggi serta teknologi pemprosesan makanan maju dan inovatif;
- Ketujuh, menubuhkan Pusat Mekanisasi dan Pengautomatan Pertanian dan Makanan bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan secara berterusan dalam mekanisasi dan pengautomatan untuk sektor pengeluaran pertanian dan makanan;
- Kelapan, meningkatkan kedudukan UPM sebagai Pusat Rujukan Pertanian
- Kesembilan, menubuhkan Pusat Matrikulasi Pertanian (AgroBio) UPM sebagai pusat bimbingan dan persediaan lulusan SPM menceburi bidang pertanian;
- Kesepuluh, menubuhkan Sekolah Pengajian Siswazah Pertanian untuk menyediakan program latihan dan penyelidikan yang mantap bagi pelajar siswazah di peringkat Master Sains dan Ph. D yang ditawarkan oleh UPM;
- Kesebelas, menawarkan program baharu bagi menyediakan k-pekerja untuk membangun dan memajukan sektor pertanian;
- Kedua belas, membangunkan Taman Pertanian Universiti bagi menyediakan kemudahan pengajaran dan penyelidikan yang terbaik dan terkini bagi melatih pelajar dalam bidang pertanian.

Selain melalui kepakaran akademik, UPM juga mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti yang dapat meningkatkan citra pertanian sebagai penjana ekonomi negara. Sebagai contoh, pada tahun 2004 UPM mencipta sejarah apabila muncul Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pertama dinobatkan

standards of food, functional food and food ingredients of high quality as well as the advanced and innovative technology of food processing;

- Seventhly, to establish the Centre for Mechanisation and Automation of Agriculture and Food to carry out continuous research and development in the said areas for the agriculture and food output sector.
- Eighthly, to raise the standing of UPM as the Centre of Agricultural Reference;
- Ninthly, to initiate the Centre of Matriculation for Agriculture (AgroBio) UPM for the preparation and training of post–SPM students who would like to be involved in the field of agriculture;
- Tenthly, to set up a Graduate School for Agriculture that will provide training programmes and research avenues for post-graduate students at the Master of Science and Ph.D levels offered by UPM.
- Eleventhly, to offer new programmes that will prepare k-workers to help develop and promote the agricultural sector; and
- Finally, to develop the University Agricultural Park so that it will provide modernised and excellent teaching and research facilities for the training of students in the field of agriculture.

Besides using academic expertise, UPM also took an active part in activities that are able to raise the image of the agriculture sector an engine of national economic growth. For example, in the year 2004 UPM created an historic milestone when it emerged as the first institution of higher learning to be declared as the march past winner of the procession held to mark the 47th Merdeka celebrations, which took place in Kuantan, Pahang. With the theme 'The Wave of Agricultural Excellence' UPM's participation in the procession symbolised the role and contribution of UPM as an Institute of Higher Learning in educating and training the workforce in the areas of agricultural knowledge and skill.

sebagai johan perbarisan sempena Perarakan Hari Kemerdekaan ke-47 yang berlangsung di Kuantan, Pahang. Dengan tema 'Arus Pertanian Gemilang' penyertaan UPM dalam perarakan tersebut melambangkan peranan dan sumbangan UPM sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang sekian lama memberi sumbangan penting dalam mendidik dan melatih tenaga berpengetahuan serta mahir dalam bidang pertanian.

Seramai 258 orang pelajar dan staf UPM terlibat dalam perarakan yang bertemakan kecemerlangan dan kegemilangan pertanian di Malaysia. Dalam masa yang sama, UPM turut menyertai perarakan kereta berhias yang menampilkan kepelbagaian sumbangan UPM kepada pengeluaran pertanian moden berasaskan sains dan teknologi menerusi aktiviti pengajaran, penyelidikan dan pembangunan serta perkhidmatan profesional.

Tahun 2004, UPM turut menyertai satu pameran pertanian peringkat antarabangsa yang terbesar iaitu Pameran Pertanian, Holtikultur dan Agro Pelancongan (MAHA 2004). Penyertaan dalam pameran kali ini telah membawa dimensi baru kepada UPM khususnya dalam mempromosi aktiviti pengajaran, penyelidikan dan pembangunan serta perkhidmatan profesional khususnya dalam bidang pertanian dan biosumber. Ia juga menangkis tanggapan sesetengah pihak tentang peranan UPM dalam pembangunan pertanian negara sudah berkurangan. Malah, melalui pameran itu UPM telah menunjukkan bahawa sumbangan UPM kepada inovasi pertanian moden berasaskan sains dan teknologi.

Pameran UPM bertemakan 'Teknologi Peneraju Pertanian Komersial' telah menampilkan 25 produk dan hasil penyelidikan termasuk jentera dan mesin yang digunakan dalam teknologi pertanian.

A total of of 258 students and staff of UPM were invoved in this parade that carried the theme of excellence and glory of agriculture in Malaysia. At the same time, UPM also participated in the floats procession which brought forth the variety of contributions UPM had made towards modern agricultural products based on science and technology through teaching activities, research and development as well as professional services.

In 2004, UPM also participated in the biggest international agricultural exhibition namely, the Agriculture, Horticulture and Agro Tourism exhibition (MAHA 2004). UPM's participation,, this time around brought about a new dimension especially in its promotion of learning activities, research and development and professional services especially in the the fields of agriculture and bioresources. It also repudiated the perceptions of certain quarters that the role of UPM in agricultural development in this country had dimished. Using this exhibition as an avenue, UPM demonstrated its contribution towards modern agricultural innovation based on science and technology.

The UPM exhibition with the theme 'Technology: The power behind Commercial Agriculture' brought forth 25 products and research findings including machinery and equipment used in agriculture.

Konvokesyen dan Graduan

UPM berjaya menganjurkan Majlis Konvokesyen UPM Ke-28 pada tahun 2004 dan telah dilangsungkan dalam tiga (3) sidang iaitu pada 7-9 Februari 2004, 17-19 Julai 2004 dan 18-20 September 2004. Tuanku Canselor UPM, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah berkenan merasmikan majlis tersebut dan turut menganugerahkan Ijazah Kehormat, Ijazah Ph.D, Master dan Bacelor kepada graduan. Turut menyempurnakan penganugerahan tersebut ialah Pro Canselor Tan Sri Thong Yaw Hong dan Tan Sri Dr. Nayan Ariffin. Pada Majlis Konvokesyen Ke-28 (Sidang Kedua), UPM menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada bekas Perdana Menteri Malaysia iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Selain itu, Tuanku Canselor juga berkenan menyampaikan anugerah kepada pemenang-pemenang Hadiah Peringkat Universiti Sesi 2003-2004 iaitu Encik Razik Hussein Mohamed Ganny (Pingat Emas Canselor), Encik Muhamad Nor Asnawi Saaman (Anugerah Pelajar DiRaja), Cik Ang Poh (Anugerah Pelajaran DiRaja), Cik Nurzi Juana Mohd Zaizi (Pingat Emas Almuni) dan Cik Moniza Waheed (Pingat Emas Yayasan Pak Rashid).

Secara keseluruhannya jumlah pelajar yang bergraduat tahun 2004 ialah 10, 386 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 97 orang berjaya memperoleh ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), Master (1,272), Bacelor (7,826) dan Diploma (1,191).

Convocation and Graduation

UPM successfully organised the 28th Convocation Ceremony in three sittings that is from 7-9 February 2004, 17-19 July 2004 dan 18-20 September 2004. The Chancellor of UPM Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj officiated the convocation and conferred Honorary degrees, doctorates, Masters and Bachelor degrees to the graduates. The Pro Chancellors Tan Sri Thong Yaw Hong dan Tan Sri Dr. Nayan Ariffin were also present. During the second sitting of the 28th Convocation ceremony, UPM conferred the Honorary Science Doctorate upon the previous Prime Minister of Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Besides that, the Chancellor also presented awards to the winners of various prizes at University level for the session 2003-2004. They were Encik Razik Hussein Mohamed Ganny (Chancellor's Gold Medal), Encik Muhamad Nor Asnawi Saaman (Royal Student Award), Cik Ang Poh (Royal Education Award), Cik Nurzi Juana Mohd Zaizi (Golden Alumni Award) dan Cik Moniza Waheed (Pak Rashid Foundation Gold Award).

On the whole, the number of students who graduated in 2004 were 10, 386. From this total, 97 postgraduates secured Doctor of Philosophy (Ph.D) degrees, Masters (1,272), Bachelor (7,826) and Diploma (1,191).

BILANGAN GRADUAN UPM TAHUN 2004 /
NUMBER OF UPM GRADUATES 2004

IJAZAH / DEGREE	SIDANG / SITTING			JUMLAH / TOTAL
	1	2	3	
Ph. D / Ph. D	22	32	43	97
Master / Masters	482	306	484	1,272
Bacelor / Bachelor	2,184	3,089	2,553	7,826
Diploma / Diploma	468	665	58	1,191
Jumlah Besar / Grand Total				10,386

Pengajian Siswazah

Bagi mencapai status universiti penyelidikan Malaysia, UPM telah berusaha sebaik mungkin dan hasilnya banyak kriteria telah berjaya dipenuhi sepanjang 2004. Pengajian siswazah merupakan satu kriteria penting dalam penilaian untuk mencapai taraf tersebut. Pada 2004 nisbah pelajar siswazah dan staf ialah 3.25:1 berbanding nisbah 3:1 yang ditetapkan. Dari sudut pelajar antarabangsa pula, UPM mempunyai 17.18 peratus pelajar siswazah antarabangsa dan telah melebihi kriteria yang ditetapkan iaitu 10 peratus.

Selain itu, UPM juga mempunyai peratusan pelajar siswazah yang terdiri daripada mereka yang mencapai purata timbunan sekurang-kurangnya 3.00 sebanyak 59.35 peratus berbanding kriteria yang ditetapkan iaitu 50 peratus. Walaupun kriteria tersebut telah dipenuhi namun UPM masih berusaha keras untuk memenuhi satu lagi cabaran untuk menjadi Universiti Penyelidikan Dunia. Setakat 2004 UPM telah pun memenuhi satu kriteria bagi Universiti Penyelidikan Dunia apabila berjaya mencapai angka 17.18 peratus bilangan pelajar antarabangsa berbanding 15 peratus yang ditetapkan. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan UPM terus berusaha

Graduate Studies

To achieve its status as a research university, UPM tried its level best and as a result many criteria were met throughout the year 2004. Graduate studies was an important criterion to evaluate the university's standards. In 2004 the graduate student / staff ratio was 3.25:1 compared to the ratio 3:1 that had been fixed. Where international students were concerned, UPM had 17.18 percent of post graduates and that was more than the criteria that had been fixed (10%).

Besides that, UPM also had 59.35 % of postgraduates who achieved a grade point average of 3.00 compared to the set target which was 50%. Even though the criterion was fulfilled UPM continues to strive hard to meet another challenge that is to become a World Research University. Until 2004, UPM had fulfilled one criterion when it successfully achieved the 17.18 % quota of international students compared to the 15% quota that had been set. This is a proud achievement for the University and UPM will continue to promote its graduate studies programme so that the percentage of students will continue to see an increase from time to time.

UPM mempunyai 17.18 peratus pelajar siswazah antarabangsa dan telah melebihi kriteria yang ditetapkan iaitu 10 peratus.

mempromosikan pengajian siswazah agar peratusan tersebut bertambah dari semasa ke semasa.

Kalau dilihat enrolmen pelajar, bilangan pelajar siswazah di UPM pada tahun 2004 adalah berjumlah 4,682 orang. Manakala jumlah graduan yang berjaya dikeluarkan ialah seramai 1,369 orang. Daripada jumlah graduan tersebut seramai 170 orang merupakan pelajar antarabangsa. Jumlah pengambilan pelajar siswazah pada tahun 2004 pula ialah seramai 2,338 orang Daripada jumlah tersebut seramai 1,903 orang adalah pelajar master dan 435 orang mengikuti pengajian peringkat PhD.

Tahun 2004, UPM berjaya mengekalkan kedudukan Sekolah Pengajian Siswazah terbaik di Malaysia dan di kedudukan ke-7 dalam senarai sekolah MBA terbaik di Asia. Pencapaian ini mengulangi kejayaan yang dicapai pada 2003 melalui kajian yang dilakukan oleh majalah *AsiaInc*.

Pelantikan Lembaga Pengarah

Tahun 2004 menyaksikan perubahan besar dalam senarai Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Perubahan ini melibatkan jawatan Pengerusi LPU dan juga ahli-ahli lain lembaga. UPM menerima Pengerusi Lembaga Pengarah yang baru iaitu Tan Sri Dato' Seri Dr. Zainul Arif Hussein menggantikan Datuk Ramly Ahmad yang tamat tempoh lantikan. Pelantikan beliau berkuat kuasa pada 23 Jun 2004 untuk tempoh selama dua tahun iaitu sehingga 22 Jun 2006. Sebelum ini, beliau adalah Ketua Pengarah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

Pameran ini telah berlangsung pada 29 April hingga 1 Mei 2004 di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan dan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Hj. Badawi. Kesemua delegasi penyelidik UPM yang telah berjaya di Pameran Geneva iaitu seramai 10 orang telah mengambil bahagian dalam pameran ini.

e) Geneva-Palexpo: International Exhibition of Inventions New Techniques and Products 2004

Through this exhibition, which was held in Geneva, Switzerland, from 1-4 April 2004, UPM brought home 10 medals, comprising 2 golds, 6 silvers and 2 bronzes. The 10 researchers who represented UPM were from the Faculty of Engineering, Faculty of Environmental Studies, Faculty of Medicine and Health Sciences and Faculty of Veterinary Medicine.

f) S&T : Expo Science, Innovation & Technology

This S&T exhibition was held at the Putra World Trade Centre(PWTC) in Kuala Lumpur from 27-29 of August 2004. UPM succeeeded in winning 23 medals, from 26 entries, in this State level exhibition. In addition to this, UPM also won the best booth award, winning the award twice consecutively.

OTHER EXHIBITIONS THAT UPM PARTICIPATED

National Summit on Innovation - R&D Innovation Showcase Exhibition

This exhibition took place on the 29th of April until the 1st of May 2004, at the Golden Palace Hotel, Seri Kembangan, and was officially opened by the Prime Minister of Malaysia, Datuk Seri Abdullah Hj. Badawi. The entire winning of team 10 researchers at the Geneva Exhibition also took part in this Exhibition.

- **Pameran Penyelidikan Sempena Pesta Konvokesyen UPM**

  Pameran ini telah berlangsung pada 16-18 Julai 2004 bertempat di Bukit Expo UPM bersempena dengan Pesta Konvokesyen UPM ke-28

- **Pameran Kegemilangan Penyelidikan**

  Pameran ini telah berlangsung pada 20 Julai 2004 bertempat di Dewan Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Sallehuddin Abdul Aziz Shah, UPM bersempena dengan Syarahan Awam Nobel Laureate Profesor Richard Ernst. Pameran ini telah mengumpulkan sebanyak 22 produk penyelidikan yang telah berjaya mendapat anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa sepanjang Januari hingga Julai 2004

- **'Eco-Products International Fair 2004'**

  'Eco-Products International Fair 2004' telah diadakan pada 2-4 September 2004 di Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur. UPM telah menghantar 5 produk penyelidikan untuk dipamerkan. Pameran ini telah disertai oleh syarikat-syarikat besar di dalam dan luar negara.

- **BioTechnology Asia 2004**

  Sebanyak 9 produk penyelidikan yang berasaskan bidang bioteknologi telah mengambil bahagian di BioTechnology Asia 2004 pada 9-11 September 2004 di PWTC ini. Ia telah diadakan buat julung kalinya di Malaysia yang merangkumi aktiviti pameran berasaskan bioteknologi dan juga persidangan dan melibatkan penyertaan daripada negara-negara Asia yang lain.

- **Research Exhibition in conjunction with UPM's Convocation Ceremony**

  This exhibition took place from 16-18 July 2004 at Bukit Expo UPM in conjunction with UPM's 28th Convocation Ceremony.

- **Research Excellence Exhibition**

  This exhibition took place on 20 July 2004 at Sultan Sallehuddin Abdul Aziz Shah Cultural and Arts Centre Hall in conjunction with a lecture given by Nobel Laureate Professor Richard Ernst. This Exhibition brought together 22 research findings which won awards at the international and national levels from January to July 2004.

- **Eco-Products International Fair 2004**

  'Eco-Products International Fair 2004' was held from 2-4 September 2004 at the Exhibition Centre, Mid-Valley, Kuala Lumpur. UPM sent 5 research products for the exhibition that saw participation from major local and foreign companies.

- **BioTechnology Asia 2004**

  As many as 9 research products from the field of Biotechnology were sent as entries to the BioTechnology Asia 2004 exhibition from the 9-11September 2004 at PWTC . This was the first time that this exhibition was held in Malaysia. It covered activities with a biotechnology base, a conference and also saw participation from other Asian countries.

Kejayaan Lain yang dimenangi oleh penyelidik UPM

Penyelidik UPM juga telah dianugerahkan Saintis Cemerlang 2004 oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai pengiktirafan dan penghargaan di atas kejayaan yang telah diperoleh di peringkat antarabangsa sepanjang 2004. Pada Majlis Anugerah Saintis Cemerlang yang telah diadakan pada 17 September 2004, seramai 14 orang penyelidik UPM telah dianugerahkan Saintis Cemerlang 2004.

Lebih membanggakan apabila Prof. Dr. Mohd Azmi Mohd Lila telah dianugerahkan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 2004 anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Kejayaan ini melalui hasil penyelidikan yang bertajuk Nucleoceptin Vaksin Unggul Untuk Pemandulan Haiwan. Sekali lagi nama UPM telah diumumkan apabila Prof. Dr. Mohd Azmi Mohd Lila dan Dr. Wong Shaw Voon telah dipilih sebagai The Outstanding Young Malaysian Awards 2004 bagi Kategori *Scientific Technology Development.*

Bengkel/Kursus/ Seminar

Tahun 2004 menyaksikan beberapa peristiwa yang penting bagi meningkatkan keupayaan dan daya saing penyelidik UPM dalam aktiviti yang berkaitan kecemerlangan penyelidikan di universiti ini. Aktiviti yang dianjurkan ini juga bertujuan mengembangkan peluang perkongsian bijak dengan agensi luar termasuk industri.

a) Majlis "R&D Commercialisation Luncheon"

Majlis ini diadakan untuk menemukan penyelidik dengan bakal rakan kongsi dari sektor industri. Selain itu aktiviti ini juga mempunyai matlamat untuk menyediakan satu platform untuk mengenalkan penyelidik-penyelidik UPM dengan pihak Industri, membina rangkaian strategik dengan industri berkenaan dalam urusan pengkomersialan produk, menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan pihak industri yang berkenaan. Bagi meningkatkan peluang perkongsian bijak antara penyelidik dan industri beberapa aktiviti telah dijalankan seperti di dalam di mukasurat 69.

b) Bengkel Pengenalan Penyelidikan

Bengkel tersebut yang di anjurkan oleh Unit Geran Pusat Pengurusan Penyelidikan telah diadakan pada 27 Julai 2004 bertempat di

Other Successes achieved by UPM Researchers

14 UPM researchers were awarded the Excellent Scientist Award 2004 by the Ministry of Higher Education as a form of recognition and appreciation for their success at international levels throughout 2004. This ceremony was held on 17 September 2004

It was a moment of pride and joy when Prof. Dr. Mohd Azmi Mohd Lila was awarded the Public Service Innovation Award 2004 organised by the Modernisation Administration and Management Planning Unit and the National Institute of Public Administration. This success was the result of the research finding entitled Nucleoceptin-A Novel Vaccine For Fertility Control in Animals. Prof. Dr. Mohd Azmi Mohd Lila dan Dr. Wong Shaw Voon were given 'The Outstanding Young Malaysian Awards 2004' for the Scientific Technology Development Category

Workshop/Courses/Seminars

In 2004, there were many important events that enhanced the capability and competitiveness of UPM's researchers that were related to research excellence at the University. The activities that were organised were also for the purpose of expanding partnership opportunities with external agencies and industries.

a) R&D Commercialisation Luncheons

This function was held to introduce researchers to future partners from the industrial sector.This activity was also a platform to introduce UPM researchers to the industry, to build strategic networks in the commercialisation of products, create and strengthen research partnerships with the relevant industries. Finally, to further enhance partnership opportunities between researchers and the industries several activities has been carried out as set out in the schedule at page 69.

b) Introduction to Research Workshop

This workshop organised by the Grant Unit, Research Management Centre, was held on 27 July 2004 at Dewan Perdana, Palm Garden Hotel IOI Resort. A total of 80 participants comprising of lecturers who had served for less than 5 years in UPM, tutors and science officers attended this workshop. The main speaker was Encik Sakib bin Kusmi, Deputy Director, Science and Technology Division, Ministry of Science,

R & D COMMERCIALIZATION LUNCHEON /
R & D COMMERCIALIZATION LUNCHEON

Tarikh / Date	Tempat / Place	Penyelidik / Researcher	Fakulti / Faculty	Tajuk / Topic	Agensi / Agency
13/1/04	Bilik VIP I, IDEAL, UPM	Prof. Madya Dr. Mohd Hair Bejo	Fakulti Perubatan Veterinar Faculty of Veterinary Medicine	Infectious Bursal Disease Vaccine	Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
24/2/04	Bilik VIP I, IDEAL, UPM	Prof. Dr. Suhaila Mohamed	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Faculty of Food Science & Technolgy	Anti Ageing Food Products	GOLDEN HEALTH Sdn. Bhd
15/7/04	Perdana C, Palm Garden Hotel, Putrajaya,	Dr. Robiah Yunus	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	High Performance Biodegradable Synthetic Lubricants From Palm Oil	PETRONAS Research & Scientific Services Sdn. Bhd.
11/10/04	Dewan Taklimat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran UPM	Prof. Madya Dr. Maznah Ismail	Institut Interim Farmaseutikal dan Nutraseutikal Bioteknologi Interim Institute of Pharmaceutical and Nutraceutical Biotechnology	Commercializing Specialty Oil & Antioxidant Formulation from Rice Bran	Syarikat Faiza Sdn. Bhd. & Wonder Bran Sdn. Bhd.

Dewan Perdana, Palm Garden Hotel IOI Resort. Seramai 80 orang peserta terdiri daripada pensyarah baru yang berkhidmat kurang dari 5 tahun di UPM, tutor dan pegawai sains telah menghadiri bengkel tersebut. Penceramah utama bengkel tersebut ialah Encik Sakib bin Kusmi, Timbalan Pengarah, Bahagian Sains dan Teknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang dijemput khas untuk memberi taklimat mengenai polisi penyelidikan dan R&D. Penceramah lain ialah Timbalan-timbalan Pengarah RMC.

Matlamat bengkel dianjurkan adalah untuk memperkenalkan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan fungsi setiap unit kepada semua penyelidik baru, memberi pendedahan kepada penyelidik-penyelidik di UPM mengenai pelbagai geran penyelidikan yang terdapat di dalam negara dan luar negara, memberi pendedahan mengenai

Technology and Innovation was invited to give a briefing about researchpolicies and R & D. The other speakers were the Deputy Directors of RMC.

The purpose of the workshop was to introduce the Research Management Centre and the function of each unit to all new researchers and to give exposure to the researchers about the availability of various grants nationally and internationally and to also inform them about research policies and how to enhance the research capabilities at UPM.

polisi penyelidikan, dan meningkatkan tahap kecemerlangan penyelidikan di UPM.

c) Bengkel Paten 2004

Susulan daripada seminar kesedaran paten yang telah dirasmikan oleh Profesor Dr. Muhamad Awang, Timbalan Naib Canselor (Akademik) pada Ogos 2003, Unit Polisi, Perancangan dan Kewangan telah menganjurkan bengkel Paten untuk para penyelidik UPM pada 29 April 2004 bertempat di Dewan Kuliah 3, Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM). Seramai 58 orang peserta yang terdiri daripada penyelidik dan pensyarah meliputi 18 fakulti/institut/pusat/akademi di UPM telah menghadiri bengkel ini. Bengkel yang bertujuan untuk memberi dan menyalurkan maklumat berkaitan proses permohonan paten dan mendraf spesifikasi paten telah dikendalikan oleh Encik Lok Choon Hong dengan dibantu oleh 2 orang kakitangan dari PINTAS IP Group Sdn. Bhd. yang juga merupakan salah satu panel paten yang telah dilantik oleh UPM bagi membantu menguruskan aktiviti yang berkaitan dengan proses fail paten bagi penyelidik UPM.

Sesi praktikal di makmal komputer Fakulti Ekonomi dan Pengurusan juga turut diadakan semasa program tersebut untuk para peserta yang hadir bagi memberi pendedahan dan memahirkan peserta dengan kaedah carian keaslian (novelty search) bagi penyelidikan mereka di laman-laman web yang berkaitan. Ini merupakan satu inisiatif pihak RMC ke arah membudayakan paten di UPM selain memberi kemahiran carian paten di kalangan penyelidik.

d) Klinik Paten 2004

Unit Polisi, Perancangan dan Kewangan juga mengadakan Klinik Paten mengikut permintaan daripada para penyelidik yang berminat. Bilangan peserta terhad kepada 4 - 7 orang pada satu sesi di mana seorang

c) Patent Workshop 2004

As a result of the Patent Awareness Seminar that was officiated by Profesor Dr. Muhamad Awang, Deputy Vice-Chancellor (Academic) on August 2003, the Unit for Policy, Planning and Finance organised a patent workshop for UPM researchers on 29 April 2004 in Lecture Hall 3, Graduate School of Management Studies. A total of 58 participants comprising of researchers and lecturers from 18 faculties/institutes/academies/centres attended this workshop. This workshop was organised to channel information related to the patent application process and the patent specifications and was facilitated by Mr. Lok Choon Hong who was assisted by two staff from PINTAS IP Group Sdn. Bhd. who are also one of the patent panels appointed by UPM to help manage patent filing process for UPM researchers.

A practical session in the computer lab,belonging to the Faculty of Economics and Management was also held to give participants exposure and skill on how to conduct a novelty search in specified websites. This is an initiative taken by RMC to enhance patent culture at UPM other than providing them with patent search skills.

d) Patent Clinic 2004

The Policy, Planning and Finance Unit also held a patent clinic upon request of interested researchers.The number of particpants were limited to 4 - 7 people, where each particpant was allocated 30 minutes.

peserta diperuntukkan selama 30 minit. Klinik Paten ini dikendalikan oleh Bustaman & Co. yang merupakan sebuah agensi paten yang bertauliah dan pakar dalam bidang berkenaan secara percuma. Sesi pertama telah berlangsung pada 27 Mei 2004 dan seramai 6 penyelidik daripada Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Perubatan Veterinar dan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan telah mengambil bahagian.

Klinik Paten yang kedua telah diadakan pada 1 September 2004, melibatkan seramai 7 penyelidik daripada Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Perubatan Veterinar, Fakulti Sains dan Fakulti Perhutanan.

e) Majlis Menandatangani MoU dan Bengkel Kerjasama UPM-MINT

Majlis Menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dan Bengkel Kerjasama UPM-MINT yang di adakan di Dewan Persidangan, Pusat Pendidikan Luar pada 1 Mac, 2004 telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah, MINT dan Naib Canselor, UPM. Tujuan kerjasama tersebut adalah untuk melahirkan tenaga mahir dalam bidang penggunaan Teknologi Nuklear dan yang berkaitan bagi menyokong dan meningkatkan daya saing negara di Sektor Perindustrian, Perhutanan, Pertanian, Perubatan dan sektor-sektor lain.

f) Bengkel Kluster Penyelidikan

Tujuan bengkel tersebut ialah untuk membantu penyelidik menyiapkan kertas konsep bagi projek-projek PR/SR mereka dalam masa yang ditetapkan. Bengkel tersebut telah di adakan di Dewan Kuliah Putra, Fakulti Pertanian II, UPM pada 7 Mei 2004 dan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik). Tiga orang pakar rujuk yang terlibat adalah Prof. Dr. Zulkifli Hj. Shamsuddin, Fakulti Pertanian, Prof. Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila, Institut Biosains (IBS) dan Y. M. Prof. Madya Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, Institut Gerontologi (IG).

g) Bengkel Etika Penyelidikan

Pada 22/6/04 - 23/6/04, Jawatankuasa Etika Penyelidikan UPM telah mengadakan bengkel di Hotel Equatorial, Bangi untuk membincangkan dan memperhalusi draf etika penyelidikan UPM.

This free clinic was facilitated by Bustaman & Co, an authorised patent agency and expert in the said field. The first session was held on 27 May 2004 and six researchers from the Faculty of Engineering, Faculty of Medicine and Health Science, Faculty of Veterinary Medicine and Graduate School of Management Studies, took part.

The second patent clinic was held on 1 September 2004 and involved 7 researchers from the Faculty of Engineering, Faculty of Medicine and Health Science, Faculty of Veterinary Medicine and Faculty of Forestry.

e) MoU signing ceremony and UPM-MINT workshop

This event was held at the Conference Hall, Centre for External Education on 1 March 2004 and was officiated by the Director General, MINT and the Vice-Chancellor of UPM. This cooperation was cemented to produce skilled manpower in the field of Nuclear Technology usage and also to support and enhance the competitiveness of the country in the industrial, forestry, agricultural, medical sectors and others.

f) Workshop on Research Clusters

The purpose of this workshop was to help researchers prepare their concept paper for PR/SR projects within a specified time. It was held at the Putra Lecture Hall, Faculty of Education on 7 May 2004, and was chaired by the Deputy Vice Chancellor (Academic Affairs). The three specialists who were involved were Prof. Dr. Zulkifli Hj. Shamsuddin, Faculty of Agriculture, Prof. Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila, Bioscience Institute and Y. M. Assoc. Prof Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, Institute of Gerontology (IG).

g) Workshop on Research Ethics

From 22/6/04 -23/6/04, the Committee on Research Ethics, UPM held a workshop at the Hotel Equatorial, Bangi to discuss and refine the draft on research ethics for the University.

SENARAI PEMENANG PINGAT PAMERAN IENA :
INTERNATIONAL EXHIBITION - IDEAS-INVENTIONS - NEW PRODUCTS 2004 MEDAL WINNERS LIST

Bil No	Nama / Name	Produk / Product	Pingat / Sektor Medal / Sector
1	Dr. Robiah Yunus	Rysol-High Performance Synthetic Lubricants from Palm Oil	Emas / Gold
2	En. Mohd. Hanif Yaacob	Optical Fiber Duplex Module (FDM) / Double Carrier Modulation	Emas / Gold
3	Ratnasamy Muniandy	Tura Roller Compactor (TRC) for Aspalt Mixtures	Emas / Gold
4	Dr. Fakhrul Razi Ahmadun	1. CNT and CNF Synthesis	Perak / Silver Anugerah Khas Switzerland
		2. Sludge Bioconversion	Perak / Silver
5.	Mohd Razali Abdul Kadir	Interloacking Load-bearing Hollow Block	Perak / Silver
6	Dr. Wong Shaw Voon	MechT TM Impactor	Gangsa / Bronze

SENARAI PEMENANG PINGAT PAMERAN BIS : *THE BRITISH INVENTION SHOW 2004 / LIST OF MEDAL WINNERS AT THE BIS EXHIBITION: THE BRITISH INVENTION SHOW 2004*

Bil. No.	Nama / Name	Produk / Product	Pingat / Sektor / Medal / Sector
1	Dr. Robiah Yunus	Rysol-High Performance Synthetic Lubricants from Palm Oil	Emas (Industrial) Perak (Konsumer) Gold (Industrial) Silver (Consumer)
2	Dr. Fakhrul Razi Ahmadun	Sludge Bioconversion	Emas (Industrial) Perak Khas (Industrial) Gold (Industrial) Special Silver (Industrial)
3	Dr. Wong Shaw Voon	MechT TM Impactor	Emas (Industrial) Gold (Industrial)
4	En. Mohd. Hanif Yaacob	Optical Fiber Duplex Module (FDM)	Emas (Industrial) Gold (Industrial)
5	Ratnasamy Muniandy	Tura Roller Compactor (TRC) for Aspalt Mixtures	Emas (Industrial) Gold (Industrial)
6	Dr. Mohd Razali Abdul Kadir	Interloacking Load-bearing Hollow Block	Perak (Industrial) Silver (Industrial)

SENARAI PEMENANG PINGAT PAMERAN I-TEX : /
LIST OF MEDAL WINNERS AT THE I-TEX EXHIBITION :
INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION AND TECHNOLOGY EXHIBITION AND COMPETITION 2004

Bil / No	Penyelidik / Researchers	Produk Penyelidikan / Research Product	Kejayaan / Success
1	Mahiran Basri, Erin Ryantin Gunawan, Keng Pei Sin, Azmahani Sulaiman, Abu Bakar Salleh, Salmiah Ahmad, Mohd. Basyaruddin Abd. Rahman, Arbakariya Arif, Rosfarizan Mohamad, Raja Noor Zaliha Abd. Rahman	MBSofax TM - New Palm-based Fine Organics for Industry	**Pingat Emas** **Anugerah Khas: Ram Rais Bio-Technology Award** **Gold Medal** **Special Award : Ram Rais Bio-Technology Award**
2	Mohd. Yunus Shukor, Azlan Baharom and Mohd. Arif Syed	Xenoassay-metal TM, a Heavy Metal Bioassay System	**Pingat Perak** Metal Bioassay
3	Norani Abd. Samad, Ahmad Said Sajap, Lau Wei Hong and Husan Abd. Kadir	SpodKill TM for Your Pest Problem	**Pingat Perak** **Siver Medalk**
4	Abdul Halim Shaari, Sidek H.A Aziz, Noorhana Yahya, Zainal Abidin Talib, Imad Hamadneh, Lim Kean Pah, Norjanah Azman, Mahiza Ismail, Roslan Abd-Shukor and Masrianis Ahmad	High Quality Bi(Pb)-Sr-Ca-Cu-O Superconductor Powders for use in Tape Fabrication for	**Pingat Gangsa** **Bronze Medal**
5	Chuah Teong Guan, Salmiah A., Rozanna D., Thomas Choong S.Y. and Sa'ari M.	Palm Oil Based Fatty Acid as Phase Change Material (PCM) in Gypsum wallboard (Thermal Energy Storage)	**Pingat Gangsa** **Bronze Medal**
6	Ishak Aris and A.K.M. Parvez Iqbal	Painting Robot for Houses and Buildings	**Pingat Gangsa** **Bronze Medal**
7	Jamilah Bakar, Harvinder Kaur, Russly Abdul Rahman and Badlishah Sham Baharin	Production of Gelatin from Red Tilapia Skins	**Pingat Gangsa** **Bronze Medal**
8	Kamel Arifin Mohd Atan, Rustem Suncheleev, Ismail Abdullah, Bekbaev Ural	Educational Software for Teaching Introductory Calculus at the University Level	**Pingat Gangsa** **Bronze Medal**

SENARAI PEMENANG PINGAT PAMERAN INPEX /
LIST OF WINNERS AT THE INPEX EXHIBITION - INVENTION AND NEW PRODUCT EXPOSITION 2004

Bil / No	Penyelidik / Researcher	Produk Penyelidikan / Research Product	Kejayaan / Success
1	Mohd. Khazani Abdullah	Fiber Optic Duplexer Module (FDM)	Pingat Emas (Kategori Sains) Grand Prix Second Runner-Up dengan wang tunai US1000 Best Invention of the Pacific RIM Gold Medal (Science Category) Grand Prix Second Runner-Up with cash prize US1000 Best Invention of the Pacific RIM
2	Azmi Yahya	Seedling Transplanter VER-1	Pingat Emas - Merit Award Gold Medal - Merit Award
3	Ishak Aris	Fiber Optic Based Lighting Detection System	Pingat Emas (Kategori Peralatan Perindustrian) Pingat Gangsa (Kategori Sains) Gold Medal (Industrial Equipment Category) Bronze Medal (Science Category)
4	Ratnasamy Muniandy	Intelligent Asphalt Mix Tester (TURAMESIN)	Pingat Perak (Kategori Pembuatan) Anugerah Kegemilangan Silver Medal (Production Category) Award of Excellence

SENARAI PEMENANG PINGAT PAMERAN GENEVA-PALEXPO:
INTERNATIONAL EXHIBITION OF INVENTIONS NEW TECHNIQUES AND PRODUCTS 2004 /
LIST OF MEDAL WINNERS AT THE GENEVA-PALEXPO EXHIBITION : EXHIBITION OF INVENTIONS NEW TECHNIQUES AND PRODUCTS 2004

Bil No	Nama / Name	Produk Penyelidikan / Research Product	Pingat / Medal
1	Prof. Dr. Mohd Azmi Mohd Lila and Lai Kit Yee	Nucleoceptin TM - A Novel Vaccine For Fertility Control in Animals	Emas Gold
2	Prof. Madya Dr. Maznah Ismail, Abdul Salam Abdullah, Azrina Azlan and Wafaa, Hailat Mustafa	E-ORY: Natural Antioxidant Rich Nutraceutical Formulation	Emas Gold
3	Dr. Robiah Yunus	Palm Oil-Based Synthetic Bio-Lubricant	Perak
4	Dr. Wong Shaw Voon	Heavy Duty Pendulum Impact Test Ring for Crashworthiness Studies	Perak Silver
5	Prof. Dr. Mohd Azmi Mohd Lila and Lai Kit Yee	Imuron TM - A Total Solution for Maximizing Antibody Responses	Perak Silver
6	Prof. Dr. Mohd Zobir Hussein, Zulkarnain Zainal, Asmah Yahaya and Dickens Wong Vui Foo	CRFNanopath: A Novel Nanocomposite-Based Controlled Release Formulation	Perak Silver
7	Prof. Madya Dr. Ahmad Husni Mohd Hanif, Syed Omar Syed Rastan and M.S. Halimi	ZAPPA-the rice seeds germination enhancer	Perak Silver
8	Prof. Madya Dr. Fakrul Razi Ahmadun	Carbon Nanotubes and Carbon Nanofibers Synthesis for Nanotechnology Applications	Perak Silver
9	En. Mohd. Hanif Yaacob	Optical Layer Automatic Protection Switch	Gangsa Bronze
10	Prof. Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi	Bio-Composite Helmet for Tropical Countries	Gangsa Bronze

SENARAI PEMENANG PINGAT PAMERAN S&T :
EXPO SCIENCE, INNOVATION & TECHNOLOGY /
LIST OF MEDAL WINNERS AT THE S&T EXHIBITION : EXPO SCIENCE, INNOVATION & TECHNOLOGY

Bil / No	Penyelidik / Researchers	Tajuk Penyelidikan / Title of Research	Pingat / Medal
1	Arfah Salleh	AssessUrBook: Assessing Bookkeeping Skill Software	Emas Gold
2	Kamel Ariffin Mohd. Atan, Rustem Suncheleev, Ismail Abdullah and Bekbaev Ural	Educational Software for Teaching University Level Introductory Calculus And Algebra	Emas & Perak Gold and Silver
3	Mohd. Yunus Syukor,Shahizal Raslan, Siti Aqlima Ahmad, Evayanti Wahyunie Zamudin, Mohd. Fadhil Abdul Rahman and Mohd. Arif Syed	Enzyme assay for phosphomolybdate reductase, a novel enzyme responsible for the bioremediation of heavy metals	Emas Gold
4	Noorhana Yahya, Mansor Hashim, Abdul Halim Shaari, Rabaíah Syahidah Abdul Azis, Lim Kean Pah and Imad Hamdneh	Extremely Low Magnetic Energy Loss-Low Cost Antennae for High Frequency Operations in the Ni0.76-XMg0.04 +XCa0.005Co0.1Cu0.075Zn0.04Fe1.96O3.96 Ferrite System	Emas Gold
5	Daud Ahmad Israf Ali, Nordin Lajis, Syahida Ahmad, Habsah Mohamed and Khozirah Shaari	Cardamonin: a naturally-occuring phytochemical with anti-inflammatory drug-like properties.	Perak Silver
6	Faridah Abdullah, Nor Haida Sebran and Steven Chong	Biological Control Agent: Mass Production of *Trichoderma harzianum* for Use on Oil palms.	Perak Silver
7	Fauziah Othman, Asmah, R., Normah, H., Taufiq, Y.Y.H., Patimah, I., Sharida, F., Arnida, H., Yogespiriya, S., Susi, E. and Suherman, J.	Strobilanthes crispus tea- an anti-cancer herbal drink	Perak Silver
8	Mahiran Basri, Erin Ryantin Gunawan, Keng Pei Sin, Azmahani Sulaiman, Abu Bakar Salleh, Raja Noor Zaliha, Mohd. Basyaruddin Abd. Rahman, Arbakariya Arif and Rosfarizan Mohama	Green Production Of Palm-Based Wax Esters	Perak Silver
9	Mohd.Yunus Shukor, Azlan Baharom, Shahizal Raslan, and Mohd. Arif Syed	Detection of Copper from the Environment at the Sub Part Per Million Levels Using an Inhibitive Enzyme Assay Method	Perak Silver
10	Norhani Binti Abdullah,Professor Dr. Ho Yin Wan, Dr. Lan Ganqui, Professor Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Bin Syed Salim	Mitsozyme TM For Poultry	Perak Silver
11	Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman, Leow Thean Char, Abu Bakar Salleh and Mahiran Basri	A New Novel Thermostable Lipase for Industrial Application	Perak Silver

SENARAI PEMENANG PINGAT PAMERAN S&T :
EXPO SCIENCE, INNOVATION & TECHNOLOGY /
LIST OF MEDAL WINNERS AT THE S&T EXHIBITION : EXPO SCIENCE, INNOVATION & TECHNOLOGY

Bil / No	Penyelidik / Researchers	Tajuk Penyelidikan / Title of Research	Pingat / Medal
12	Abdul Rashid Mohamed Shariff, Abdul Razak Abdul Rahim, Khoo Yuen Hing, Ashraf Gasim Elsid Abdalla, Radzali Mispan, Shattri Mansor, Noordin Ahmad	Cell Phone Signal Strength Predictor	Gangsa Bronze
13	Anuar Kassim, Marisol Hainny Sopian, Zahariah Ismail, Roila Awang and Abdul Halim Abdullah	The Uses of Palm-Based In Colour Cosmetic	Gangsa Bronze
14	Anuar Kassim, Zulkarnain Zainal, Mohd. Zobir Hussein and Saravanan Nagalingam	Electrodeposited Metal Chalcogenide Thin Films for Photoelectrochemical Cells	Gangsa Bronze
15	Faujan Hj. Ahmad, Mahiran Basri, Manaf Ali, Nur Hana Faujan, Nor Jehar Alitheen, Muhajir Hamid	Betulinic acid: An approach to anti-leukemia drug	Gangsa Bronze
16	Irmawati Ramli, Nor Hidayaty Kamarulzaman, Noorfarizan Nasriah Mhamat Nasudin and Taufiq-Yap Yun Hin	Novel Oxygen Storage Materials From Nanocrystallized Bismuth Oxide	Gangsa Bronze
17	Marziah Mahmood and Sreeramanan S.	Biochemical Markers for Fusarium Wilt Disease in Banana Plants	Gangsa Bronze
18	Marziah Mahmood, Arbakariya A and Ali R.Z	Production of Wound Healing Agent using Bioreactor Technology	Gangsa Bronze
19	Mohd Basyaruddin Abdul Rahman, Mahiran Basri, Mohd. Zobir Hussein, Raja Nor Zaliha Raja Abdul Rahman and Abu Bakar Salleh	Advanced Nanobiomaterial as Catalyst for Green Organic Synthesis	Gangsa Bronze
20	Mohd Yazid Abd. Manap, Shuhaimi Mustafa, Abd Manaf Ali and Norihan Mohd Salleh	Bile Salt Hydrolase: Solution for Hypercholesterolemia	Gangsa Bronze
21	Mohd. Aspollah Sukari, Siti Zuraida Yaakob, Mawardi Rahmani, Neoh Bee Keat, Wan Nor Fazliyatul Wahida, Nordin Lajis, Nakisah Mat Amin and Abdul Manaf Ali	Antimicrobial and Cytotoxic Agents from Murraya koenigii and M. paniculata	Gangsa Bronze
22	Muhammad Nazrul Hakim, Solihah Mohd Hassan, Daud Israf, Zuraini Ahmad, Mohd Roslan Sulaiman, Arifah Abdul Kadir, Mohd Sater Zakaria And Abdul Manan Mat Jais	Anti-nociceptive (Pain-killing) agents from three local Channa spp. fish extracts.	Gangsa Bronze
23	Raha Abdul Rahim and Yiap Beow Chin	New Universal Extraction Kit for The 'Omic' Era	Gangsa Bronze

SENARAI PENERIMA ANUGERAH SAINTIS CEMERLANG 2004 / *LIST OF WINNERS OF THE EXCELLENT SCIENTIST AWARDS 2004*

Bil / No	Nama / Name	Fakulti / Institut / Faculty / Institute	Tajuk Inovasi / Title of Innovation
1	Mohd Azmi Mohd Lila (Prof. Dr.)	Fakulti Perubatan Veterinar Faculty of Veterinary Science	Nucleoceptin TM - A Novel Vaccine For Fertility Control in Animals
2	Maznah Ismail (Prof. Madya Dr.), Abdul Salam Abdullah, Azrina Azlan and Wafaa Hailat Mustafa	Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan Faculty of Medicine and Health Science	E-ORY: Natural Antioxidant Rich Nutraceutical Formulation
3	Robiah Yunus (Dr.)	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Palm Oil-Based Synthetic Bio-Lubricant
4	Dr. Wong Shaw Voon	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Heavy Duty Pendulum Impact Test Ring for Crashworthiness Studies
5	Mohd Azmi Mohd Lila (Prof. Dr.)	Fakulti Perubatan Veterinar Faculty of Vetrinary Science	Imuron TM - A Total Solution for Maximizing Antibody Responses
6	Mohd Zobir Hussein (Prof. Dr.)	Fakulti Sains & Pengajian Alam Sekitar Faculty of Science and Environmental Studies	CRFNanopath: A Novel Nanocomposite-Based Controlled Release Formulation
7	Ahmad Husni Mohd Hanif (Prof. Madya Dr.)	Fakulti Pertanian Faculty of Agriculture	ZAPPA-the rice seeds germination enhancer
8	Fakrul Razi Ahmadun (Prof. Madya Dr.)	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Carbon Nanotubes and Carbon Nanofibers Synthesis for Nanotechnology Applications
9	Mohd. Hanif Yaacob (En.)	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Optical Layer Automatic Protection Switch
10	Radin Umar Radin Sohadi (Prof. Dr. Ir.)	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Envosafe TM Helmet
11	Mohd. Khazani Abdullah (Prof. Madya Dr.)	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Fiber Optic Duplexer Module (FDM)
12	Azmi Yahya (Prof. Madya Dr.)	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Seedling Transplanter VER-1
13	Ratnasamy Muniandy (En.)	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Intelligent Asphalt Mix Tester (TURAMESIN)
14	Ishak Aris (Prof. Madya Dr.)	Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Fiber Optic Based Lighting Detection System

UPM

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Kegemilangan Pertanian & Biosumber

Agriculture & Bioresources Excellence

Seperti digariskan Matlamat Ketiga dalam Pelan Strategi UPM 2001-2010 iaitu meningkatkan keupayaan UPM sebagai Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Pertanian dan Biosumber terkemuka di peringkat antarabangsa, UPM sentiasa terkedepan dalam merencanakan agenda pertanian negara. Dalam ucapan Bajet 2005 di Parlimen pada September 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan bahawa UPM akan dijadikan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian. UPM menganggap pengumuman itu sebagai satu pengiktirafan di atas usaha universiti dalam memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara. Pengumuman tersebut juga di anggap sebagai satu cabaran kepada UPM untuk membuktikan bahawa UPM berperanan besar mengangkat martabat pertanian negara menerusi pendidikan, penyelidikan dan pembangunan serta perkhidmatan profesional.

Pertemuan dengan Perdana Menteri

Selaras dengan itu, UPM mengambil langkah proaktif dengan menyusun 12 inisiatif bagi menjadikan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian. Perkara ini telah dibentangkan dalam pertemuan delegasi UPM dengan Perdana Menteri di Putrajaya pada 8 November 2004. Inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- Pertama, menubuhkan Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan untuk mengenal pasti, menganalisis dan memberi opsyen dasar kepada masalah utama sektor pertanian dan makanan;
- Kedua, menubuhkan Institut Makanan Halal sebagai pusat rujukan sistem pengesahan dan pensijilan makanan halal;

In order to fulfil the Third Goal of the UPM Strategic Plan 2001 - 2010 which is to enhance its capability as a centre of studies for agricultural services an bioresources, UPM is always in the forefront in planning the national Agriculture agenda. In his Budget 2005 speech at Parliament in September 2004, the Honourable Prime Minister, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi announced that UPM was to be made the Centre for Agricultural Excellence. UPM understands this announcement to be one of recognition of its contributions to the development of the economy. That announcement also is a challenge to UPM to prove that it plays a great role in raising the status of agriculture in this country through education, research and development as well as professional services.

Meeting with the Prime Minister

In line with this, UPM has taken proactive steps to make itself the Centre of Education for Agricultural Excellence as well as enhancing its contribution in the agricultural sector. This matter was raised in the visit made by the UPM delegation to meet the Prime Minister at Putrajaya on 8 November 2004. The initiatives are as follows;

- Firstly, to establish the Institute of Research for Agricultural Policies and Food in order to identify, analyse and provide solutions for major problems in the agricultural and food sector;
- Secondly, to set up the Institute of Halal Food as a reference centre for the system of identifying and certifiying halal food.

UPM berperanan besar mengangkat martabat pertanian negara menerusi pendidikan, penyelidikan serta perkhidmatan profesional.

- Ketiga, menubuhkan Institut Biokomposit Tropika untuk menjalankan penyelidikan penerokaan biokomposit bagi produk baru.

- Keempat, menubuhkan Institut Pengembangan Pertanian bagi menjalankan kajian pengembangan dan memberi latihan kepada agen pengembangan;

- Kelima, menubuhkan Pusat Pembangunan Usahawan Tani bagi menginkubasi dan melahirkan usahawan pertanian;

- Keenam, menubuhkan Pusat Kajian Strategik dan Inovasi Makanan bagi menumpukan penyelidikan dalam keselamatan dan kualiti makanan, makanan fungsian dan ramuan makanan bernilai tinggi serta teknologi pemprosesan makanan maju dan inovatif;

- Ketujuh, menubuhkan Pusat Mekanisasi dan Pengautomatan Pertanian dan Makanan bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan secara berterusan dalam mekanisasi dan pengautomatan untuk sektor pengeluaran pertanian dan makanan;

- Kelapan, meningkatkan kedudukan UPM sebagai Pusat Rujukan Pertanian

- Kesembilan, menubuhkan Pusat Matrikulasi Pertanian (AgroBio) UPM sebagai pusat bimbingan dan persediaan lulusan SPM menceburi bidang pertanian;

- Kesepuluh, menubuhkan Sekolah Pengajian Siswazah Pertanian untuk menyediakan program latihan dan penyelidikan yang mantap bagi pelajar siswazah di peringkat Master Sains dan Ph. D yang ditawarkan oleh UPM;

- Thirdly, to set up the Institute of Tropical Biocomposite to carry out pioneering research for new products;

- Fourthly, to establish the Institute for Agricultural Development to carry out extension research and provide training to extension agents;

- Fifthly, to initiate the Centre for the Development of Agricultural Entrepreneurs for incubating and producing agriculture entrepreneurs;

- Sixthly, to set up a Centre for Strategic Research and Food Innovation to focus on research in safety and quality standards of food, functional food and food ingredients of high quality as well as the advanced and innovative technology of food processing;

- Seventhly, to establish the Centre for Mechanisation and Automation of Agriculture and Food to carry out continuous research and development in the said areas for the agriculture and food output sector;

- Eighthly, to raise the standing of UPM as the Centre of Agricultural Reference;

- Ninthly, to initiate the Matriculation Centre for Agriculture (AgroBio) UPM for the preparation and training of post-SPM students who would like to be involved in the field of agriculture;

- Tenthly, to set up a Graduate School for Agriculture that will provide training programmes and research avenues for post-graduate students at the Master of Science and Ph.D levels offered by UPM;

- Eleventhly, to set up new programmes that will prepare k-workers to help develop and promote the agricultual sector; and

- Kesebelas, menawarkan program baharu bagi menyediakan k-pekerja untuk membangun dan memajukan sektor pertanian;

- Kedua belas, membangunkan Taman Pertanian Universiti bagi menyediakan kemudahan pengajaran dan penyelidikan yang terbaik dan terkini bagi melatih pelajar dalam bidang pertanian.

Johan Perbarisan Hari Kemerdekaan

Dalam pada itu juga, pada tahun 2004 UPM mencipta sejarah apabila muncul Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) pertama dinobatkan sebagai johan perbarisan sempena Perarakan Hari Kemerdekaan ke-47 yang berlangsung di Kuantan, Pahang. Dengan tema '*Arus* Pertanian Gemilang' penyertaan UPM dalam perarakan tersebut melambangkan peranan dan sumbangan UPM sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang sekian lama memberi sumbangan penting dalam mendidik dan melatih tenaga berpengetahuan serta mahir dalam bidang pertanian.

Seramai 258 orang pelajar dan staf UPM terlibat dalam perarakan yang bertemakan kecemerlangan dan kegemilangan pertanian di Malaysia. Dalam masa yang sama, UPM turut menyertai perarakan kereta berhias yang menampilkan kepelbagaian sumbangan UPM kepada pengeluaran pertanian moden berasaskan sains dan teknologi menerusi aktiviti pengajaran, penyelidikan dan pembangunan serta perkhidmatan profesional.

- Finally, to develop the University Agricultural Park so that it will provide modernised and excellent teaching and research facilities for the training of students in the field of agriculture.

Winner of the Merdeka Day Parade

In 2004, UPM created a historic milestone when it emerged as the first IPTA winner of the parade held to mark the 47th Independence Day celebrations which took place in Kuantan, Pahang. With the theme 'The *Wave* of Agricultural Excellence', UPM's participation in the parade symbolised the role and contribution of UPM in educating and training the workforce that is knowledgeable and skillful in the agriculture field.

A total of 258 students and staff of UPM were involved in this parade that carried the theme of the excellence and glory of agriculture in Malaysia. At the same time, UPM also participated in the floats procession, which embodied the variety of contributions UPM had made towards modern agricultural products based on science and technology, through teaching activities, research, development as well as professional services.

MAHA Exhibition 2004

In 2004, UPM also participated in the biggest international agricultural exhibition, namely,the Agriculture, Horticulture and Agro Tourism Exhibition (MAHA 2004). UPM's participation, this time around, brought about a new dimension especially in its promotion of learning activities, research, development

Seramai 258 orang pelajar dan staf UPM terlibat dalam perarakan yang bertemakan kecemerlangan dan kegemilangan pertanian di Malaysia

Pameran MAHA 2004

Tahun 2004, UPM turut menyertai satu pameran pertanian peringkat antarabangsa yang terbesar iaitu Pameran Pertanian, Holtikultur dan Agro Pelancongan (MAHA 2004). Penyertaan dalam pameran kali ini telah membawa dimensi baru kepada UPM khususnya dalam mempromosi aktiviti pengajaran, penyelidikan dan pembangunan serta perkhidmatan profesional khususnya dalam bidang pertanian dan biosumber. Ia juga menangkis tanggapan sesetengah pihak tentang peranan UPM dalam pembangunan pertanian negara sudah berkurangan. Malah, melalui pameran itu UPM berjaya menunjukkan sumbangannya kepada inovasi pertanian moden berasaskan sains dan teknologi.

Pameran UPM bertemakan 'Teknologi Peneraju Pertanian Komersial' telah menampilkan 25 produk dan hasil penyelidikan termasuk jentera dan mesin yang digunakan dalam teknologi pertanian. *Booth* UPM telah berjaya mendapat mendapat tempat pertama bagi kategori 'Gerai Pameran Jabatan dan Agensi Kerajaan' di dalam Pameran MAHA 2004 yang telah diadakan pada 4-10 Oktober 2004 di Mines International Exhibition and Convention Center (MIECC) Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan.

Struktur Baru

Berkuatkuasa 1 Jun 2004, UPM Kampus Bintulu telah beroperasi dalam bentuk Fakulti di mana dua (2) Fakulti pada asalnya telah distrukturkan semula kepada

and professional services in the fields of Agriculture and Bioresources. It also repudiated the perceptions of certain quarters that the role of UPM in agricultural development in this country had diminished. Using this exhibition as an avenue, UPM demonstarted its contribution towards modern agricultural innovation based on science and technology. .

The UPM exhibition with the theme 'Technology:The Power behind Commercial Agriculture' brought forth 25 products and research findings including machinery and equipment used in agriculture. The UPM Booth won the first placing for the 'Government Department and Agency Exhibition Stall' category at the MAHA Exhibition held from the 4-10 October 2004 at the Mines International Exhibition and Convention Center (MIECC) Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.

New Structure

Effective 1 June 2004, the UPM Bintulu Campus began operation with one Faculty when two original faculties were restructured. The Faculty of Food and Agricultural Science was maintained while the Faculty of Social Science and Management was downgraded to become the Department of Social Science.

In the beginning, the administration of the Bintulu Campus was spearheaded by the Provost . The position of Provost was later changed to Dean. However, the roles remain the same, that is to be responsible for the

satu fakulti. Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (FSPM) dikekalkan sementara Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan diturun taraf kepada berstatus jabatan iaitu dinamakan Jabatan Sains Sosial.

Pentadbiran UPMKB yang pada peringkat awalnya diterajui oleh Provos telah diubah kepada Dekan. Bagaimanapun peranan dan tanggungjawab Dekan adalah sama yakni bertanggungjawab terhadap keseluruhan pentadbiran UPMKB. Perubahan ini berlaku sebaik sahaja Provos yang dilantik bersara wajib pada 28 Julai 2004.

Pada 2004, UPM juga menstrukturkan semula Taman Pertanian Universiti (TPU). Bermula 1 Ogos 2004 TPU ditadbir oleh seorang ketua daripada kumpulan Pegawai Pertanian (Pengurusan dan Profesional). Dahulunya TPU diketuai pengarah daripada kumpulan Pegawai Akademik. Tujuan pengstrukturan semula ini ialah untuk menjadikan TPU sebagai sebuah pusat perkhidmatan dan kemudahan sokongan yang terbaik bagi menyokong aktiviti pembelajaran dan penyelidikan universiti terutamanya dalam bidang pertanian. Struktur pentadbiran baru TPU mengandungi 11 unit iaitu:

1. Unit Latihan
2. Unit Holtikultur
3. Unit Kejenteraan Ladang
4. Unit Bukit Ekspo dan Bank Genetik
5. Unit Ternakan
6. Unit Pengurusan Turf
7. Unit Penyelidikan Ladang Puchong
8. Unit Tanaman
9. Unit Ekuin
10. Unit Agroteknologi
11. Unit Pembangunan Teknologi

entire administration of the Bintulu Campus. This change occurred when the previous Provost went on compulsory retirement on 28 July 2004.

In 2004, UPM restructured the University Agricultural Park (UAP). Beginning 1 August 2004, the UAP was administerd by a head from the Agricultural Officers Group(Management and Professional). Previously, the UAP was headed by a Director from the Academic Officers group. The main purpose of this restructuring was to make the UAP the best service and facilities centre to support the learning and research activities especially in the fields of agriculture. The new administrative structure consists of 11 units and they are:

1. Training Unit
2. Horticulture Unit
3. Field Machinery Unit
4. Expo Hill and Genetic Bank Unit
5. Poultry Unit
6. Turf Management Unit
7. Puchong Field Research Unit
8. Plantation Unit
9. Equine Unit
10. Agrotechnology Unit
11. Technology Development Unit



UPM terlibat dalam pameran untuk mengetengahkan pengajian dan penyelidikan dalam bidang pertanian.

AKTIVITI DAN PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

1) Agriculture Selangor Exhibition 2004 (AGRIS)

Agriculture Selangor Exhibition 2004 (AGRIS) telah diadakan pada 27 – 30 Mei 2004 di Tempat Letak Kereta Pasaraya Giant dan telah dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor. Pada pameran ini, UPM telah diwakili Fakulti Pertanian yang terlibat mempamerkan aktiviti pengajaran dan penyelidikan yang dijalankan di fakulti.

2) Ekspo Kejayaan dalam Sektor Pertanian 2004

Ekspo Kejayaan dalam Sektor Pertanian 2004 telah diadakan pada 26 – 29 Ogos 2004 bertempat di Terminal One Shopping Centre, Seremban dengan anjuran Jawatankuasa 'Ministry of Agriculture Incorporated Malaysia' dan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan dengan kerjasama Jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan Negeri Sembilan. Ekspo yang diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan ke-47 Peringkat Negeri Sembilan telah dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Asas Tani, Malaysia. UPM terlibat dalam pameran untuk mengetengahkan pengajian dan penyelidikan dalam bidang pertanian.

IMPORTANT ACTIVITIES AND EVENTS

1) Selangor Agriculture Exhibition 2004 (AGRIS)

The Selangor Agriculture Exhibition 2004 (AGRIS) was held from 27 – 30 May 2004 at the Giant Supermarket Parking Lot and was officiated by the Chief Minister of Selangor. In this exhibition, UPM was represented by the Faculty of Agriculture . Teaching and research activities carried out by this Faculty were displayed at the exhibition.

2) Success in the Agricultural Sector Expo 2004

This expo was held from the 26 – 29 August 2004 at the Terminal One Shopping Centre, Seremban and was organised by the Committee from the 'Ministry of Agriculture Incorporated Malaysia' and the Agricultural Department Negeri Sembilan with the cooperation of other government departments and agencies. It was held in conjunction with the 47th Independence day celebration at the state level. The Minister of Agriculture and Basic Farming, Malaysia officiated this Expo. UPM's involvement in this Expo was to demonstrate its studies and research carried out in agriculture.

3) Kongres Pertanian (Agriculture Congress)

Universiti Putra Malaysia telah menganjurkan Kongres Pertanian (Agriculture Congress) dengan jayanya pada 4-7 Oktober 2004 di Mines International Exhibition and Convention Center (MIECC) Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan. Kongres ini telah mendapat sambutan hangat terutamanya di kalangan peserta antarabangsa dengan kehadiran peserta yang datang dari 36 buah negara menghampiri 50% dari 477 jumlah keseluruhan peserta kongres tersebut.

Kongres Pertanian ini dengan tema "Innovation Towards Modernized Agriculture" telah merangkumi 4 skop iaitu Pengeluaran Pertanian (Agriculture Production), Polisi Pertanian dan Perniagaantani (Agricultural Policy and Agribusiness), Makanan Selamat, Makanan untuk Kesihatan dan Bioteknologi (Safe Food, Health Product and Biotechnology) dan Pemindahan Teknologi dan Inovasi Sosial (Agrotechnology Transfer and Social Innovation). Seramai 4 orang pembentang kertas utama (keynote) dan 8 plenari (plenary) yang terdiri saintis dan penyelidik-penyelidik terkenal di peringkat antarabangsa telah membentangkan kertas kerja di kongres ini. Hasil daripada kongres ini, abstrak kertas utama dan plenari bersama dengan 52 abstrak oral dan 114 abstrak poster telah diterbitkan dalam bentuk buku prosiding.

3) Agriculture Congress

Universiti Putra Malaysia organised the Agriculture Congress with great success from the 4-7 October 2004 at the Mines International Exhibition and Convention Center (MIECC) Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan. This congress was received extremely well by its international participants who came from 36 foreign countries and formed 50% of the total number of participants at the congress.

This Agricultural Congress, with the theme "Innovation Towards Modernized Agriculture" covered 4 scopes that is Agriculture Production, Agricultural Policy and Agribusiness, Safe Food, Health Products and Biotechnology and Agrotechnology Transfer and Social Innovation. A total of 4 keynote addresses were given and 8 plenary sessions conducted by famous international scientists and researchers. As a byproduct of this Congress the abstracts of the key papers presented together with 52 oral abstracts and 114 poster abstracts were published in the form of a book of proceedings.

UPM

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Pengurusan Berkualiti

Quality Management

PENGURUSAN BERKUALITI

Universiti Putra Malaysia (UPM) sangat komited dalam usaha untuk memantapkan pengurusan berkualiti dalam setiap aktiviti utamanya iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. Ini adalah selaras dengan Matlamat Keempat Pelan Strategi UPM 2001-2010 iaitu 'Memantapkan Sistem Pengurusan Berkualiti Yang Cekap dan Berkesan, Telus dan Mesra Pelanggan Berteraskan Nilai-Nilai Murni'. Usaha-usaha pemantapan ini dapat dilihat dalam aktiviti berikut:

Penjaminan Kualiti Pengajaran

a. Penjaminan kualiti pengajaran bagi program akademik peringkat bacelor di UPM melalui pelaksanaan Kod Amalan Jaminan Kualiti IPTA bagi tujuan meningkat keyakinan pihak awam kepada kelestarian kualiti pendidikan tinggi awam.

   i. Persediaan bagi penilaian jaminan kualiti IPTA telah dimulakan sepanjang tahun 2004 bagi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Sains Dan Pengajian Alam Sekitar dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Walau bagaimanapun

QUALITY MANAGEMENT

University Putra Malaysia (UPM) highly committed in its efforts to implement quality management in all its main activities namely teaching and learning and in research and service. This is in line with its Fourth Goal in its Strategic Plan UPM 2001-2010, that is "To consolidate a quality management system that is effective, efficient, transparent and client-friendly, based on noble values". These consolidated efforts can be seen in the following activities:

Assured Quality Teaching

The Consolidated Fund comprised of the Operating, Development, Research Funds and several other Trust Funds for financing the programmes and activities of the University. In 2004, the Operating Fund amounted RM159.00 million (15.58%), Development Fund was RM427.44 million (41.89%), the Research Fund was RM20.48 million (18.81%) and Other Trust Funds amounted RM313.51 million (30.72%).

PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2004
OPERATING EXPENDITURE FOR YEAR 2004



PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2003
OPERATING EXPENDITURE FOR YEAR 2003



Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan Belanja Mengurus yang diluluskan untuk UPM telah menunjukkan peningkatan sebanyak (5.49%) meningkat daripada RM411.58 juta tahun 2003 kepada RM434.17 juta pada tahun 2004. Daripada jumlah ini, sebanyak RM374.53 juta (86.26%) adalah peruntukan Geran Kerajaan dan bakinya RM59.60 juta (13.74%) adalah daripada pendapatan lain. Walaubagaimanapun, Geran Kerjaan diterima dalam tahun 2004 hanyalah RM287.89 juta atau 76.87% sahaja. Terdapat perbezaan sebanyak RM86.69 juta atau 23.13% berbanding dengan jumlah peruntukan yang diluluskan. Perbezaan terimaan Geran Kerajaan tahun 2004 dan 2003 pula adalah sebanyak RM38.23 juta (11.72%), menurun daripada RM326.12 juta yang diterima pada tahun 2003 kepada RM287.89 juta pada tahun 2004. Keadaan ini memberi kesan ke atas geran per pelajar sebanyak RM1,175 dari RM10,925 seorang dalam tahun 2003 kepada RM9,750 seorang dalam tahun 2004.

Operating expenditure

The allocation for Operating Expenditure which was approved for UPM increased by (5.49%) from RM411.58 million in 2003, to RM434.17 million in 2004. From this amount, a sum of RM374.53 million (86.26%) were Government Grant allocations and the balance RM59.60 million (13.74%)was from other sources of income. Nevertheless, Government Grants received in 2004 amounted RM287.89 million or 76.87% only. There was a difference of RM86.69 million or 23.13% when compared to the allocation which had been approved. The difference in the receipt of Government Grants in 2004 and 2003, totalled RM38.23 million (11.72%), a decrease from RM326.12 million that was received in 2003, to RM287.89 million in 2004. This affected the grant per student by RM1,175 from RM10,925 a person in 2003 to RM9,750 a person in 2004.

PENDAPATAN MENGURUS
OPERATING INCOME

	Tahun 2004 Year 2004 (RM Juta) (RM Mil)	(%) (%)	Tahun 2003 Year 2003 (RM Juta) (RM Mil)	(%) (%)
Geran Kerajaan / Govt Grants	287.89	86.13	326.12	84.70
Pelbagai Yuran / Misc. Fees	41.33	12.36	50.52	13.12
Pendapatan Lain / Other Income	5.03	1.51	8.37	2.18
Jumlah / Total	334.2		385.01	

Daripada jumlah pendapatan ini, sebanyak RM287.89 juta atau 86.13 % adalah Geran Kerajaan dan RM41.33 juta atau 12.36 % adalah pendapatan pelbagai yuran dan bakinya RM5.03 juta atau 1.51% adalah daripada sumber sewa, pendapatan hasil ladang dan pelbagai pendapatan lain.

From this income, of RM287.89 million or 86.13%, was from Government Grants and RM41.33 million or 12.36% was from miscellaneous fees and the balance RM5.03 million or 1.51% was from rentals, agricultural produce revenue and other miscellaneous incomes.

PECAHAN PENDAPATAN MENGURUS
BREAKDOWN OF OPERATING INCOME



PERBELANJAAN MENGURUS
OPERATING EXPENDITURE

	Tahun 2004 Year 2004 (RM Juta) (RM Mil)	(%) (%)	Tahun 2003 Year 2003 (RM Juta) (RM Mil)	(%) (%)
Emolumen Emoluments	196.62	47.01	188.60	51.45
Perbelanjaan Lain Other expenditures	221.59	52.99	177.92	48.55
Jumlah / Total	**418.21**		**366.52**	

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Universiti meningkat sebanyak 14.10 % daripada RM366.52 juta pada tahun 2003, kepada RM418.21 juta pada tahun 2004. Pembayaran emolumen merupakan perbelanjaan yang paling tinggi iaitu diatas kadar 47.01 % dari keseluruhan perbelanjaan untuk tahun 2004. Perbelanjaan emolumen hanya meningkat sebanyak 4.25 % berbanding tahun 2003 dan bagi perbelanjaan lain telah meningkat pada kadar 24.54 %.

Operating Expenditure

UPM's operating expenditure increased by 14.10%, from RM366.52 million in 2003,to RM418.21 million in 2004. Payment of Emolument comprised the largest expenditure in 2004 which formed 47.01% of the total expenditure in 2004. Emolument expenditure only rose at the rate of 4.25% compared to 2003, and other expenditures rose at the rate of 24.54%.



PECAHAN PERBELANJAAN MENGURUS
BREAKDOWN OF OPERATING ON EXPENDITURE

	Tahun 2004 Year 2004 (RM Juta) (RM Mill)	(%) (%)	Tahun 2003 Year 2003 (RM Juta) (RM Mill)	(%) (%)
Emolumen / Emoluments	196.62	47.01	188.60	51.45
Bekalan dan Bahan-Bahan / Supplies and Materials	65.14	15.58	64.83	17.69
Penyelenggaraan & Pembaikan / Maintenance and repairs	23.36	5.58	22.75	6.21
Perkhidmatan Ikhtisas dan Lain-Lain / Professional services and others	69.02	16.50	47.62	12.99
Peruntukan Perbelanjaan Aset / Provision for asset expenditure	64.07	15.33	42.72	11.66
Jumlah / Total	418.21		366.52	

PERBANDINGAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN AKAUN MENGURUS
COMPARISION OF OPERATING ACCOUNT INCOME AND EXPENDITURE



Perbelanjaan Pembanggunan

Jumlah peruntukan Geran Kerajaan yang diterima dalam tahun 2004 bagi baki RMK-8 ialah sebanyak RM10.00 juta untuk membiayai projek-projek yang dalam pelaksanaan. Geran Kerajaan Tertunda Direalisasi bagi tahun 2004 pula adalah sebanyak RM34.86 juta, meningkat sebanyak RM3.54 juta (11.30%) berbanding RM31.32 juta dalam tahun 2003.

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2004 adalah sebanyak RM160.92 juta yang mana sebanyak RM152.26 juta (94.62%) merupakan perbelanjaan Pembinaan Dalam Kemajuan bagi projek-projek pembinaan dan antaranya adalah seperti bangunan berikut:-

(i) Bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
(ii) Bangunan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R & D)
(iii) Kompleks Kejuruteraan dan Teknologi Fasa 2B
(iv) Bangunan Tambahan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
(v) Naik taraf Saliran ke Putrajaya

Perbelanjaan Penyelidikan IRPA (Intensification of Research In Priority Areas)

Jumlah keseluruhan Geran Kerajaan bagi perbelanjaan IRPA pada tahun 2004 adalah sebanyak RM29.14 juta. Sebahagian besar peruntukan ini adalah untuk membiayai projek-projek yang diluluskan di bawah RMK-8, manakala sebanyak RM7.55 juta (20.58%) adalah pendapatan bagi projek 'Top Down' yang disalurkan melalui agensi kerajaan dan juga dari pendapatan-pendapatan lain.

Jumlah perbelanjaan Penyelidikan IRPA untuk tahun 2004 telah meningkat sebanyak RM17.87 juta (49.85%), iaitu RM35.85 juta dalam tahun 2003 kepada RM53.72 juta dalam tahun 2004.

Development Expenditure

The Total Government Grant allocation received in 2004 for the balance of the EMP period was RM10.00 million for funding projects being implemented. Government Grants carried foward in 2004 totalled RM34.86 million, a rise of as much as RM3.54 million(11.30%), compared to RM31.32 million in 2003.

The Development expenditure for 2004 was RM160.92 million, from which the sum of RM52.26 million (94.62%) was for financing works in progress building projects, among them are as follows:

(i) Building of the Faculty of Medicine and Health Sciences
(ii) Building for Research and Development Centre (R&D)
(iii) The Engineering and Technology Complex Phase 2B
(iv) Additional building for Faculty of Modern Languages and Communication
(v) Upgrading of Drainage Systems to Putrajaya

IRPA (Intensification of Research In Priority Areas) Development Expenditure

Total Government Grants for IRPA expenditure in 2004 amounted RM29.14 million. A large section of this provision was to fund projects that were approved under the EMP, whereas a sum of RM7.55 million (20.58%) was income for the 'Top Down' projects that were channelled through government agencies and also from other sources of income. Total IRPA research expenditure for 2004 has risen as much as RM17.87 million(49.85%), that is RM35.85 million in 2003 to RM53.72 million in 2004.

PERBANDINGAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN IRPA
COMPARISION OF IRPA INCOME AND EXPENDITURE



PECAHAN PERBELANJAAN IRPA 2004
BREAKDOWN OF IRPA EXPENDITURE 2004



Strategi Perbelanjaan

UPM telah memberi penekanan di dalam usaha membantu menjayakan dasar dan polisi kerajaan di dalam sektor pertanian di mana kerajaan memberi tumpuan untuk mengenalpasti sumber pertumbuhan baru, terutamanya dalam bidang agro-teknologi dan bioteknologi yang diramalkan sebagai revolusi teknologi yang akan datang. Sebanyak 35% daripada peruntukan Belanja Mengurus telah diperuntukkan kepada bidang pertanian dan ianya merupakan peruntukan belanja mengurus 2004 yang tertinggi berbanding bidang-bidang lain di UPM.

Expenditure Strategy

UPM has given emphasis in its efforts to help achieve Government policies especially in the agricultural sector,where the government is focusing attention on identifying new sources of cultivation,especially in the fields of agro-technology and biotechnology which has been predicted to be the revolutionary technology of the future.Thirty five per cent of the Operating Expenditure has been allocated to the field of agriculture, and is the biggest allocation in operating expenditure in 2004 compared to other fields of study in UPM.

Sebanyak 35% daripada peruntukan Belanja Mengurus telah diperuntukkan kepada bidang pertanian dan ianya merupakan peruntukan belanja mengurus 2004 yang tertinggi berbanding bidang-bidang lain di UPM

Memantapkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam (Public Delivery System)

Bagi meneruskan usaha mencapai matlamat ke tujuh iaitu menjana dan mengurus sumber kewangan Universiti secara cekap dan berkesan, usaha mempertingkatkan keberkesanan pengurusan kewangan di peringkat operasi dan implementasi telah dipergiatkan lagi. Ketelusan pengurusan kewangan dimantapkan lagi bagi memastikan sumber kewangan Universiti digunakan secara efisien.

Bagi mengukuhkan lagi pengurusan kewangan beberapa langkah telah diambil dan di antaranya ialah:-

- **Penstrukturan Semula Pejabat Bendahari**

  Mengemas kini struktur pengurusan kewangan di Pejabat Bendahari dengan mewujudkan 3 Bahagian Utama yang terdiri dari Bahagian Operasi, Bahagian

Enhancement of the Public Delivery System

In continuing to achieve its seventh objective,that is to generate and operate the University's Finances,efficiently and effectively,efforts to raise the level of effective financial management at the operational level and its implementation has been strengthened.The financial management transperancy has been highly enhanced to ensure that the University's financial resources are managed and used efficiently.

Certain steps have been taken to further strengthen financial management and among them are:

- **Restructuring of the Bursary**

  The financial management structure at the Bursar has been organised into three main divisions,namely the Operations Department, the Financial Department and the Financial Accounts



Kewangan dan Bahagian Perakaunan Kewangan bagi menjelaskan lagi agihan bidang tugas dan tanggungjawab di samping memastikan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Penubuhan unit kewangan di Pusat Tanggungjawab dan penambahan bilangan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta kakitangan sokongan juga telah dapat mempertingkatkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan.

- **Pembangunan Sistem Pengurusan Aset Dan Inventori (Fixed Assets Management System- FAMS)**

Pengurusan aset universiti telah dipertingkatkan lagi melalui pembangunan sistem FAMS. Sistem ini didapati bersesuaian untuk menyelenggara rekod dan aset fizikal universiti, di mana dengan penggunaan sistem *Barcode* aset-aset boleh diselenggara dan dikesan dengan cara yang lebih baik dan teratur.

Department, in order to demarcate the duties and responsiblities in the distribution of work while ensuring that implementation of tasks and responsibilties are carried out efficiently and effectively.

Formation of the financial unit at the Responsibilty Centres and increasing the number of additional officers from the management and professional group,together with support staff,has also raised the level of accountability in Financial Management.

- **Development of the Fixed Assets Management System (Fixed Assets Management System - FAMS)**

The management of University assets has been further enhanced through the FAMS system.This system has been found to be suitable in mantaining the University's records and physical assets, and with the usage of the Barcode System, assets can be maintained and identified in an effectiveand organised manner.

- **Peningkatan Perkhidmatan Kepada Pelanggan**

  Perkhidmatan kepada pelanggan terutamanya pelajar dipertingkatkan dengan pembukaan kaunter perkhidmatan yang lebih strategik dan selesa. Perlaksanaan sistem bayaran yuran pelajar diperluaskan dengan perkhidmatan perbankan elektronik, sistem *Financial Process Exchange* (FPX) dan bayaran melalui Kad Kredit/ Visa /Mastercard /American Express Card merupakan alternatif yang disediakan bertujuan untuk memudahkan urusan pelanggan.

- **Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)**

  Sebagai komitmen untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan usaha kearah pencapaian persijilan ISO 9001:2000 sedang giat dilaksanakan.

Sijil Ketua Audit Negara

Universiti Putra Malaysia telah mendapat Sijil Bersih dari Ketua Audit Negara bagi akaun Universiti untuk tahun 2004.

- **Raising the Level of service To customers**

  Service to customers,primarily to senior students, have been enhanced with the opening of service counters that are more strategic and comfortable. Implementing the students fees payment system, has been widened through the use of the Electronic Banking System.. the Financial Process Exchange System (FPX), and through credit cards/Visa/ Mastercards, and the American Express Card as alternatives in order to simplify customer transactions.

- **Quality Management System (QMS)**

  Being committed to give quality services to customers,efforts towards achieving ISO 9001:2000 certification are being vigourously implemented.

National Chief Auditor's Certificate

University Putra Malaysia has received a clean certificate from the Auditor General for the University's accounts for the year 2004.

Universiti Putra Malaysia telah mendapat Sijil Bersih dari Ketua Audit Negara bagi akaun Universiti untuk tahun 2004

UPM

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Perkhidmatan Profesional

Professional Services

Kursus-kursus ini dipakej menggunakan kepakaran UPM dan ditambah dengan kepakaran luar

Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menggariskan matlamat kelapan dalam Pelan Strategi 2001-2010 ialah 'menjadikan UPM sebagai pusat perkhidmatan dan pendidikan lanjutan yang cemerlang'. Untuk itu, UPM telah merangka usaha berterusan sepanjang tahun 2004 ke arah pencapaian matlamat tersebut. Melalui aktiviti Pusat Pemajuan Profesional (PACE) dan Unit Latihan, Pejabat Pendaftar, usaha meningkatkan kepakaran dan profesionalisme di kalangan warga kerja UPM dilakukan secara lebih tersusun. Selain itu, PACE juga menyediakan peluang peningkatan ilmu serta kemahiran yang berterusan kepada masyarakat luar kampus yang terdiri daripada individu serta agensi yang berminat.

Kursus dan Latihan

Sepanjang tahun 2004, PACE telah menjalankan pelbagai aktiviti yang melibatkan staff UPM, kerajaan dan swasta. Kursus-kursus ini dipakej menggunakan kepakaran UPM dan ditambah dengan kepakaran luar. Aktiviti dan kursus pada tahun 2004 adalah seperti berikut:

Universiti Putra Malaysia (UPM) has outlined its Eighth Goal in the Strategic Plan 2001-2010 'to make UPM a Centre of Excellence for continuing Education and services'. For that purpose, UPM has structured various continuous efforts throughout the year 2004 to achieve this objective. Through the activities carried out by the Professional Advancement Centre (PACE) and the Training Unit in the Registry, efforts to upgrade expertise and professionalism among the UPM workforce are carried out in a systematic way. Besides that, PACE also provides opportunities to people outside the campus who consist of interested individuals and agencies to increase their knowledge and skills continuously.

Courses and Training

Throughout 2004, PACE carried out a variety of activities that involved the UPM staff, the Government and the private sector. The courses were packaged using UPM expertise in addition to external expertise. Activities and courses for the year 2004 are as follows:

KURSUS DAN LATIHAN

Tarikh	Nama Kursus	Kerjasama
18 – 20 Februari 2004	Qualitative Data Management Software – NUD*IST 6.0 and Nvivo A Hands On Workshop	Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA)
6 April 2004	Seminar Projek ICT dan Pembentukan K-Masyarakat	Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA)
21 – 22 April 2004	Post Graduate Teaching and Supervision	Sekolah Pengajian Siswazah
10 – 15 Mei 2004	Kursus Kompetensi Pengajaran Mata Pelajaran Pengajian Moral	Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
15 – 16 Julai 2004	Post Graduate Teaching and Supervision	Sekolah Pengajian Siswazah
28 Jun – 3 Julai 2004	Kursus Kompetensi Pengajaran Mata Pelajaran Pengajian Islam	Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
28 Jun – 3 Julai 2004	Kursus Kompetensi Pengajaran Mata Pelajaran Pengajian Malaysia	Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
29 Jun – 1 Julai 2004	Assuring Quality Higher Education Management & Teaching Learning Process	Prished Consultants International
7 – 8 September 2004	A Course Towards Successful Research	Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
21 – 22 September 2004	Meningkatkan dan Menjayakan Komunikasi Dalam Organisasi	Pusat Pemajuan Profesional (PACE)
4 – 8 Oktober 2004	Kursus Kompetensi Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Moral	Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
4 – 8 Oktober 2004	Kursus Kompetensi Pengajaran Mata Pelajaran Pengajian Malaysia	Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
27 – 30 Disember 2004	Kursus Kompetensi Pengajaran Mata Pelajaran Pengajian Malaysia	Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
27 – 30 Disember 2004	Kursus Kompetensi Pengajaran Mata Pelajaran Pengajian Islam	Lembaga Akreditasi Negara (LAN)

COURSES AND TRAINING

Date	Name of Course	Agency
18 – 20 February 2004	Qualitative Data Management Software – NUD*IST 6.0 and Nvivo: A Hands On Workshop	Institute of Community and Peace Studies (PEKKA)
6 April 2004	Seminar on ICT Project and the development of the K-Society	Institute of Community and Peace Studies (PEKKA)
21 – 22 April 2004	Post Graduate Teaching and Supervision	School of Graduate Studies
10 – 15 May 2004	Course on Competence in Teaching Moral Studies.	National Accreditation Board (LAN)
15 – 16 June 2004	Post Graduate Teaching and Supervision	School of Graduate Studies
28 June – 3 July 2004	Course on Competence in Teaching Islamic Studies.	National Accreditation Board (LAN)
28 June – 3 July 2004	Course Competence in Teaching Malaysian Studies	National Accreditation Board (LAN)
29 June – 1 July 2004	Assuring Quality Higher Education Management & Teaching Learning Process	Prished Consultants International
7 – 8 September 2004	A Course Towards Successful Research	Research Management Centre (RMC)
21 – 22 September 2004	Upgrading Successful Communication in an Organisation.	Professional Advancement Centre (PACE)
4 – 8 October 2004	Course on Competence in teaching Moral Studies	National Accreditation Board (LAN)
4 – 8 October 2004	Course on Competence in teaching Malaysian Studies	National Accreditation Board(LAN)
27 – 30 December 2004	Course on Competence in Teaching Malaysian Studies	National Accreditation Board(LAN)
27 – 30 December 2004	Course on Competence in Teaching Islamic Studies	National Accreditation Board(LAN)

Sementara itu, Seksyen Latihan dan Penilaian, Pejabat Pendaftar turut berperanan dalam meningkatkan pengetahuan dan tahap profesionalisme di kalangan tenaga kerja UPM. Pada 2004, seksyen tersebut telah merancang sebanyak 15 Kursus untuk kakitangan UPM, dan telah berjaya menjalankan sebanyak 9 kursus daripada 15 kursus tersebut.

Kursus Yang Telah Dirancang

1. Kursus Tatacara Penyediaan Kertas Kerja, Laporan Dan Mesyuarat (KP&P)
2. Kursus Pemandu Berwibawa (KS)
3. Kursus Perkhidmatan Pelanggan Dan Kaunter Cemerlang (KS)
4. Kursus Kepimpinan Dan Pengurusan Organisasi (KP&P)
5. Kursus Pengurusan Pencen Dan Faedah Persaraan (KP&P Dan KS)
6. Kursus Pengenalan Undang-Undang (KP&P)
7. Kursus Pengurusan Rekod Dan Fail (KS)
8. Kursus Pembantu Makmal (KS)
9. Kursus Pembangunan Sahsiah (KS)
10. Kursus Peningkatan Motivasi PTR / PAR (KS)
11. Kursus Kecemerlangan Dalam Kesetiausahaan (KS)
12. Kursus OSHA (KP&P)
13. Kursus Pra Persaraan (KP&P Dan KS)
14. Kursus Asas Pengurusan Kewangan (KS)
15. Kursus Berkomunikasi Interpersonal (KP&P)

The Training and Evaluation section in the Registry also played a role in upgrading knowledge and professional levels among the members of the UPM workforce. In 2004, this section planned as much as 15 courses and successfully carried out 9 of them.

Planned Courses

1. The system of preparing for working papers, Reports and Meetings.
2. Confident Drivers(KS)
3. Customer and Counter Service excellence (KS)
4. Leadership and Management of Organisations (KP&P)
5. Pension Management and Retirement Benefits (P&P and KS)
6. Getting to know the law (KP&P)
7. File and Record Management (KS)
8. Laboratory attendants course(KS)
9. Personality Development (KS)
10. Improving Motivation PTR / PAR (KS)
11. Excellence in Secretaryship (KS)
12. OSHA (KP&P)
13. Pre-retirement Course(KP&P Dan KS)
14. Basic Financial Management(KS))
15. Interpersonal Communication (KP&P)

UPM juga giat menjalankan aktiviti perundingan bersama sektor awam dan swasta

Kursus Yang Telah Dijalankan

1. Kursus Tatacara Penyediaan Kertas Kerja, Laporan Dan Mesyuarat (KP&P)
2. Kursus Pemandu Berwibawa (KS)
3. Kursus Perkhidmatan Pelanggan Dan Kaunter Cemerlang (KS)
4. Kursus Kepimpinan Dan Pengurusan Organisasi (KP&P)
5. Kursus Pengurusan Pencen Dan Faedah Persaraan (KP&P Dan KS)
6. Kursus Pengenalan Undang-Undang (KP&P)
7. Kursus Pengurusan Rekod Dan Fail (KS)
8. Kursus Pembantu Makmal (KS)
9. Kursus Asas Pengurusan Kewangan (KS)

Kursus-kursus yang belum dijalankan, kecuali Kursus OSHA tidak dapat dijalankan kerana Seksyen Latihan dan Penilaian akan memberikan tumpuan yang lebih kepada aktiviti Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Khidmat Perundingan

UPM juga giat menjalankan aktiviti perundingan bersama sektor awam dan swasta sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa. Perkhidmatan ini amat penting bagi mempromosi segala kepakaran yang dimiliki oleh universiti ini untuk kebaikan dan manfaat kepada seluruh masyarakat. UPM melalui Unit Perundingan, Pusat Pembangunan Perniagaan (UBC) telah menyelaraskan sebanyak 35 projek perundingan sepanjang tahun 2004. Khidmat perundingan yang dijalankan ini melibatkan nilai projek berjumlah RM 8, 477,301.03. Kebanyakan daripada projek perundingan tersebut masih dijalankan untuk tahun 2005. Senarai projek seperti berikut:

Courses that were carried out

1. The system of preparing working papers, Reports and Meetings (KP&P)
2. Confident Drivers (KS)
3. Customer and Counter Service Excellence (KS)
4. Leadership and Management of Organisations KP&P)
5. Pension Management and Retirement Benefits (KP&P Dan KS)
6. Getting to know the Law (KP &P)
7. Record and Fail management (KS)
8. Course for Laboratory Attendants
9. Basic Financial Management Course(KS)

Some courses except OSHA were not carried out because the Training and Evaluation Section were paying more attention to evaluation of Competency levels (PTK), activities.

Consultation Services

UPM also carried out consultation activities with the public and private sectors at both national and international levels. This service is of utmost importance to promote the total expertise possessed by the University, for the good and benefit of the society. Through its Consultation Unit at the University Business Centre, UPM coordinated 35 consultation projects throughout the year. The consultation services that were carried out involved a project sum of RM8, 477,301.03. Many of these consultations are still in the process of being carried out in 2005.

KHIDMAT PERUNDINGAN

Nama Projek	Ketua Projek
R & D Works on Imhoff Tank With Pump Station	Prof. Dr Azni Idris
(ITPS) PJA 172 Upgrading Using Cosmo Balls Section 22 Petaling Jaya	
Performance Study of Upgrading Biological Process for	Prof. Madya Dr Fakhrul Razi Ahmadun
Sewage Treatment Under IWK's MTP Programme	
Sewage Sludge Application on Land at rubber Platation	Dr. Mohamad Azani Alias
Biological Dewaterig of Sewage Sludge	Prof. Madya Dr Fakhrul Razi Ahmadun
by Liquid State Bio-Conversion Process (LSB Pilot Trial)	
Application of Sewage Sludge In Forest Rehabilitation and Regenaration	Prof. Dr Azni Idris
Sludge Thickening and Dewatering Using natural Local Polymer	Prof. Ir Dr Megat Johari Mohd Noor
Risk Assessment of Vibrio Parahaemolyticus	Prof. Dr Son Radu
Remote Monitoring Street Lighting Intelligent Distribution System	Prof. Madya Ir Dr Norman Mariun
Consultancy Services on National Integrated Coastal Zone Management	Prof. Dr. Mohamad Ibrahim
Implementation of Biowaste to Bioproduct System Prototype Plant	Prof. Dr Mohd Ali Hasan
Evaluation of In Vitro AntiCancer Potential of a	
Few Local Plant Extracts and In Vivo Antihepatotoxic	Dr. Johnson Stanslas
Potential a Polyherbal Formulation	
Utilization of Biogas & Biomass for new Bioproducts	Prof. Dr Mohd Ali Hasan
The Upscaling of Mixed lactobacillus Culture Used as a Probiotic for Chicken	Prof Dr Ho Yin Wan
Weight gain Efficacy Study	Dr. Amin Ismail
Underwater Unmanned Vehicle Maritime Intelligent	Dr. Abdul Rahman Ramli
/Surveillance/Reconnaissance – Remote Evironmenmental (PARIZ)	
Kajian Pembangunan Sumber Manusia Kolej Kemahiran Tinggi Mara	Dr. Shamsuddin Ahmad
(KTKM) dan Institut Kemahiran Mara (IKM)	
Geographical Information System Services and License	Dr. Law Teik Hua
Conservation and Sustainable Use	
of Tropical Peat Swamp Forests and Associated Wetland Ecosystems	Prof. Dr Shahwahid Othman
Kajian Penubuhan Majlis Kecergasan Kebangsaan	Prof. Dr Shamsher Mohamad
dan Latihan Pengurusan Sukan Malaysia	
Strategis Information System Plan	Dr Azhar Nasir
Modul Latihan Gerak Daya Wawasan	Prof Madya Dr Jariah Masud
Airbone Hyperspectral Remote Sensing	Prof. Dr Kamarulzaman Jusoh
Bina Insan Kerajaan Negeri Selangor	Prof. Dr Azimi Hamzah
*Projek Pembinaan Jet Eksekutif	Ir. Dr. Prasetyo Edi
*Study on Tropical Kiwi Fruit for Dole (Sarawak highland)	Dr. Ahmad Husni Mohd Hanif
*Fibreboard	Dr. Jalaluddin Harun
*R & D on Enzyme	Prof Madya Dr Nazamid Shaari
Strategik Kesihatan Ikan Kebangsaan	Prof. Datuk Dr Mohamad Shariff Mohamed Din
Pengurusan Haiwan Rekreasi bagi guru-guru Majlis Pelajaran Malaysia	Dr. Azhar Kassim
High Flyers Women Academician in Malaysian Public Universities	Prof. Dr Maimunah Ismail
: Factors Contributing to Success	
Projek Precision Farming – Data GIS	Dr. Abdul Rashid
Remote Monitoring Street Lighting Intelligent Distribution System – Part 2	Prof. Madya Dr.Ir Norman Mariun
Modul Latihan Gerak Daya Wawasan – II	Prof Madya Dr Jariah Masud
Kajian Kos Zoo Negara Baru	Prof Madya Dr Ahmad Shuib
Evaluation of IRPA RM-7 for MOSTE	Prof Dr Shahwahid Othman
Development of local volume tables for inland forest in Terengganu	Prof Madya Dr Awang Nor Abdul Ghani

Name of Project	Head of Project
R & D Works on Imhoff Tank With Pump Station	
(ITPS) PJA 172 Upgrading Using Cosmo Balls Section 22 Petaling Jaya	Prof. Dr Azni Idris
Performance Study of Upgrading Biological Processes	
for Sewage Treatment Under IWK's MTP Programme	Assoc. Prof. Dr Fakhrul Razi Ahmadun
Sewage Sludge Application on Land at rubber Plantations	Dr. Mohamad Azani Alias
Biological Dewatering of Sewage Sludge	
by Liquid State Bio-Conversion Process (LSB Pilot Trial)	Assoc. Prof. Madya Dr Fakhrul Razi Ahmadun
Application of Sewage Sludge In Forest Rehabilitation and Regeneration	Prof. Dr Azni Idris
Sludge Thickening and Dewatering Using natural Local Polymer	Prof. Ir Dr Megat Johari Mohd Noor
Risk Assessment of Vibrio Parahaemolyticus	Prof. Dr Son Radu
Remote Monitoring Street Lighting Intelligent Distribution System	Prof. Madya Ir Dr Norman Mariun
Consultancy Services on National Integrated Coastal Zone Management	Prof. Dr. Mohamad Ibrahim
Implementation of Biowaste to Bioproduct System Prototype Plant	Prof. Dr Mohd Ali Hasan
Evaluation of In Vitro AntiCancer Potential of a Few Local Plant Extracts	
and In Vivo Antihepatotoxic Potential, a Polyherbal Formulation	Dr. Johnson Stanslas
Utilization of Biogas & Biomass for new Bioproducts	Prof. Dr Mohd Ali Hasan
The Upscaling of Mixed lactobacillus Culture Used as a Probiotic for Chicken	Prof Dr Ho Yin Wan
Weight gain Efficacy Study	Dr. Amin Ismail
Underwater Unmanned Vehicle Maritime Intelligent	
/Surveillance/Reconnaissance – Remote Evironmenmental (PARIZ)	Dr. Abdul Rahman Ramli
Study on the development of Human Resources	
for the Higher Skills MARA College and Institute of Skills,MARA	Dr. Shamsuddin Ahmad
Geographical Information System Services and License	Dr. Law Teik Hua
Conservation and Sustainable Use of Tropical Peat Swamp Forests	
and Associated Wetland Ecosystems	Prof. Dr Shahwahid Othman
Study on the formation of the National Activeness Council	
and Sports Training Management System	Prof. Dr Shamsher Mohamad
Strategic Information System Plan	Dr Azhar Nasir
Training Module for Visionary power movements	Assoc. Prof Dr Jariah Masud
Airborne Hyper spectral Remote Sensing	Prof. Dr Kamarulzaman Jusoh
People Building for the State Government of Selangor	Prof. Dr Azimi Hamzah
*Project for the building of executive jets	Ir. Dr. Prasetyo Edi
*Study on Tropical Kiwi Fruit for Dole (Sarawak highland)	Dr. Ahmad Husni Mohd Hanif
Fiberboard	Dr. Jalaluddin Harun
*R & D on Enzyme	Assoc. Prof. Dr Nazamid Shaari
Health strategies for National Fish Health Kebangsaan	Prof. Datuk Dr Mohamad Shariff Mohamed Din
Management of recreational animals	Dr. Azhar Kassim
for teachers in the Educational Council of Malaysia	
High Flyer Women Academicians	
in Malaysian Public Universities: Factors Contributing to Success	Prof. Dr Maimunah Ismail
Precision Farming project – Data GIS	Dr. Abdul Rashid
Remote Monitoring Street Lighting Intelligent Distribution System – Part 2	Assoc. Prof Dr.Ir Norman Mariun
Training module for visionary power movements II	Prof Madya Dr Jariah Masud
Cost study for the new National Zoo	Assoc. Prof Dr Ahmad Shuib
Evaluation of IRPA RM-7 for MOSTE	Prof Dr Shahwahid Othman
Development of local volume tables for inland forest in Terengganu	Assoc. Prof. Dr Awang Nor Abdul Ghani

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Perhubungan Awam dan Antarabangsa

International Public Relation

sebanyak sembilan (9) memorandum persefahaman (MoU) dengan agensi antarabangsa telah ditandatangani sepanjang tahun 2004

PERHUBUNGAN AWAM DAN ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2004, UPM berusaha meningkatkan jalinan erat dan kerjasama dengan pihak luar melalui aktiviti perhubungan awam dan antarabangsa yang lebih tersusun. Adalah menjadi hasrat UPM supaya segala aktiviti yang diadakan akan dapat menyalurkan maklumat yang tepat kepada pihak luar berkenaan kekuatan UPM sebagai institusi pengajian tinggi dalam bidang pertanian, sains dan teknologi yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Hubungan Kerjasama

Beberapa jalinan dan hubungan kerjasama dengan institusi luar negara terutamanya melibatkan industri dan institusi yang lebih terkedepan telah berjaya dimeterai. Kerjasama ini meliputi bidang pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan teknologi. Selain daripada tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kerjasama ini juga untuk memperkukuhkan citra universiti di peringkat global. Untuk tujuan itu sebanyak sembilan (9) memorandum persefahaman (MoU) dengan agensi antarabangsa telah ditandatangani sepanjang tahun 2004. Antara institusi dan agensi luar negara yang terlibat ialah Tokyo University of Agriculture, Jepun, Chungnam National University, Korea. Egerton University, Kenya, Institut Pertanian Bogor,Indonesia., Chiba University Jepun, Cantho University,Vietnam dan banyak lagi.

PUBLIC AND INTERNATIONAL RELATIONSHIPS

Throughout 2004, UPM took great efforts to enhance its close ties and cooperation with external and international agencies in a more organised manner. It is UPM's desire that all its activities become a channel of accurate information to external bodies to prove that UPM is an institution of higher learning that provides major contributions to the society and country in the fields of agriculture, science and technology.

1. Cooperative Relationships

There were many networks and cooperative efforts with foreign institutions that were established firmly. These cooperative efforts were seen in the areas of teaching, learning, research and technological development. Besides teaching, learning and research purposes, these concerted efforts also enhanced the image of the university on a global level. Nine (9) memorandums of understanding (MoUs) with international agencies were signed throughout 2004. Among these institutions were Tokyo University of Agriculture, Japan, Chungnam National University, Korea. Egerton University, Kenya, Institute of Agriculture Bogor, Indonesia., Chiba University Japan, Cantho University,Vietnam and others.

Jadual: Memorandum Persefahaman Dengan Agensi Luar Negara

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN AGENSI LUAR NEGARA	
Institution / Country	Date of signing
Tokyo University of Agriculture, Japan	16 March 2004
Chungnam National University, Korea	6 April 2004
Egerton University, Kenya	6 April 2004
University of Manheim, Germany	Mei 2004
Institute Pertanian Bogor, Indonesia	23 July 2004
The Forestry and Forest Products Research Institute (FFPRI), Japan	27 July 2004
Chiba University, Japan	1 December 2004
Functional Food Creation Research Institute Pte. Ltd., Japan	13 December 2004
Cantho University, Vietnam	21 December 2004

Schedule: Memorandums of Understanding with International Agencies

MEMORANDUMS OF UNDERSTANDINGWITH INTERNATIONAL AGENCIES	
Institution / Country	Date of signing
Tokyo University of Agriculture, Japan	16 March 2004
Chungnam National University, Korea	6 April 2004
Egerton University, Kenya	6 April 2004
University of Manheim, Germany	May 2004
Institute Pertanian Bogor, Indonesia	23 July 2004
The Forestry and Forest Products Research Institute (FFPRI), Japan	27 July 2004
Chiba University, Japan	December 2004
Functional Food Creation Research Institute Pte. Ltd., Japan	13 December 2004
Cantho University, Vietnam	21 December 2004

Dalam pada itu, sebanyak 22 Memorandum Persefahaman dan perjanjian telah ditandatangani melibatkan agensi tempatan. MoU dan MoA ini melibatkan pelbagai bentuk kerjasama termasuk pengkomersialan produk, penyelidikan dan pembangunan, pengajaran dan pembelajaran, serta khidmat profesional.

As many as 22 Memorandums of Understanding and Agreement involving various types of cooperative efforts including commercialization of products, research and development, teaching and learning as well as professional services, were signed with local agencies.

INSTITUSI / AGENSI	TARIKH
Kolej Teknologi Timur (MOA)	11 Feb 2004
Kolej Sal Kuala Lumpur (MOA)	11 Feb 2004
Kolej Negeri (MOA)	11 Feb 2004
Institut Teknologi Sara (MOA)	11 Feb 2004
Kolej Teknologi Bestari (MOA)	11 Feb 2004
Institut Teknologi A.N.S (MOA)	11 Feb 2004
Kolej Teknologi Cybernetics (MOA)	11 Feb 2004
Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang (MOA)	11 Feb 2004
Institut Teknologi Nuklear Malaysia (MINT)	1 Mac 2004
Profesional Services Development Corporation Sdn. Bhd. (PSDC)	1 Apr 2004
Majlis Paralimpik Malaysia	5 Apr 2004
Mines Exhibition Management Sdn Bhd	
Kolej Yayasan Islam YPJ Sdn Bhd, Kolej Islam Johor, Johor Bharu (MOA)	7 Mei 2004
Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (MOA)	7 Mei 2004
Kolej Chermai Jaya, Kuching, Sarawak (MOA)	7 Mei 2004
Kerajaan Negeri Selangor	17 Mei 2004
Kementerian Belia dan Sukan	28 Mei 2004
Jentayu Manifacturing Sdn. Bhd.	19 Jun 2004
Mines Exhibition Management Sdn. Bhd.	28 Jun 2004
FELDA dan KIT	27 Jul 2004
Bernas Sdn. Bhd.	30 Sept 2004
Biovate Research Sdn. Bhd.	20 Dec 2004

INSTITUTIONS / AGENCIES	*DATE*
Eastern Technology College (MOA)	11 Feb 2004
Sal CollegeKuala Lumpur (MOA)	11 Feb 2004
State College (MOA)	11 Feb 2004
Sara Technological Institute (MOA)	11 Feb 2004
Bestari Technological Institute (MOA)	11 Feb 2004
IA.N.S Technological Institute (MOA)	11 Feb 2004
Cybernetics Technological Institute (MOA)	11 Feb 2004
Pahang Skills Development Centre (MOA)	11 Feb 2004
Malaysian Nuclear Technological Institute (MINT)	1 March 2004
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd. (PSDC)	1 Apr 2004
Paralympic Council Malaysia	5 Apr 2004
Mines Exhibition Management Sdn Bhd	
Islamic Foundation College YPJ Sdn Bhd, Islamic College, Johor Bharu (MOA)	7 May 2004
MARA Polytechnic College, Kuala Lumpur (MOA)	7 May 2004
Chermai Jaya College, Kuching, Sarawak (MOA)	7 May 2004
Selangor State Government	17 May 2004
Ministry of Youth and Sports	28 May 2004
Jentayu Manufacturing Sdn. Bhd.	19 June 2004
Mines Exhibition Management Sdn. Bhd.	28 June 2004
FELDA and KIT	27 July 2004
Bernas Sdn. Bhd.	30 Sept 2004
Biovate Research Sdn. Bhd.	20 Dec 2004

2. Aktiviti Promosi
Usaha untuk mempromosikan program pengajian peringkat prasiswazah dan siswazah telah dijalankan dengan lebih agresif sepanjang tahun 2004. UPM telah menyertai promosi program siswazah peringkat antarabangsa ke Jordan, China, India dan Afrika Selatan bagi tujuan meningkatkan bilangan pelajar siswazah.

2. Promotional Activities
Efforts to promote programmes and increase the student intake were carried out more aggressively at undergraduate and graduate levels in 2004. UPM took part in international graduate recruitment programmes in Jordan, China, India and South Africa.

Jadual: Aktiviti Promosi Luar Negara

TARIKH	AKTIVITI PROMOSI / TEMPAT
Tarikh	**Aktiviti Promosi/Tempat**
1 – 5 Disember 2004	8th Jordan Education and Training Exhibition, JETE, Jordan
22 – 31 Oktober 2004	China Education Expo 2004 Beijing and Shanghai, China
11 – 14 Jun 2004	EDUTEX INDIA 2004 – India International Education Exhibition for Students Recruitment, Taj Palace Hotel, New Delhi
26 Mac – 1 April 2004	Malaysian Education Road Show Cape Town and Durban In South Africa

Schedule: International Promotional Activities

DATE	*PROMOTIONAL ACTIVITIES / PLACE*
Date	**Promotional Activity/Place**
1 – 5 December 2004	8th Jordan Education and Training Exhibition, JETE, Jordan
22 – 31 October 2004	China Education Expo 2004 Beijing and Shanghai, China
11 – 14 June 2004	EDUTEX INDIA 2004 – India International Education Exhibition for Students Recruitment, Taj Palace Hotel, New Delhi
26 March – 1 April 2004	Malaysian Education Road Show Cape Town and Durban in South Africa

Promosi ke sekolah dan Pusat Matrikulasi juga diadakan bagi mendapatkan calon terbaik untuk pengajian peringkat prasiswazah. Selain di sekolah dan Pusat Matrikulasi, UPM juga mengikuti aktiviti promosi di tempat tumpuan awam melalui penyertaan dalam karnival pendidikan yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu.

Promotions visits to schools and Matriculation Centres to recruit excellent students for undergraduate studies were held. UPM also participated in promotional activities during educational carnivals in public places organized by various bodies.

UPM telah menyertai promosi program siswazah peringkat antarabangsa ke Jordan, China, India dan Afrika Selatan

Jadual: Aktiviti Promosi Pendidikan Dalam Negari /
Schedule: Educational Promotion Activities held in the country

Tarikh / *Date*	Tajuk / *Title*	Tempat / *Place*
21 – 22 April 2004	Pameran Pendidikan Dan Kerjaya	Dewan Gimnasium Rakyat, Kompleks Sukan Pandamaran. Pelabuhan Klang Selangoir Darul Ehsan
	Education and Career exhibition	The People's Gymnasium Hall, Pandamaran Sports Complex, Port Klang Selangor Darul Ehsan
27 April 2004	Pameran Pendidikan Dan Kerjaya 2004	Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Serdang Serdang. Selangor Darul Ehsan.
	Education and Career Exhibition 2004	Seri Serdang Secondary School, Serdang, Selangor Darul Ehsan.
24 – 27 Jun 2004	Pameran Hari Terbuka Kusza	Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) Kuala Terengganu. Terengganu Darul Iman
24 – 27 June 2004	Kusza Open day Exhibition	Sultan Zainal Abidin Religious College (KUSZA) Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman
1 - 4 Julai 2004	Hari Terbuka Upm Kampus Bintulu	UPM Kampus Bintulu Sarawak.
1 - 4 July 2004	Open Day UPM Bintulu Campus	UPM Bintulu Campus, Bintulu, Sarawak.
16 – 18 Julai 2004	Pameran Hari Konvokesyen Ke-28 UPM	Bukit Ekspo, UPM
16 – 18 July 2004	28th UPM Convocation Day exhibition	Bukit Ekspo, UPM
2 Ogos 2004	Pameran Hari Kerjaya Dan Usahawan 2004	Maktab Rendah Sains Mara Balik Pulau, Pulau Pinang.
2 August 2004	Career and Entrepreneur Day exhibition 2004	MARA Junior College, Pulau Pinang.
12 Ogos 2004	Pendidikan Kerjaya SMK Wangsa Melawati	Dewan Wangsa Bestari, SMK Wangsa Melawati
12 August 2004	Career Education, Wangsa Melawati Secondary School	Wangsa Bestari Hall, Wangsa Melawati Secondary School
20 – 21 Ogos 2004	Program Sayangi Belia	South City Plaza, Serdang Perdana Seksyen 1 Seri Kembangan. Selangor Darull Ehsan
20 – 21 August 2004	Love Youth Program	South City Plaza, Section 1 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan
23 – 25 Ogos 2004	Karnival Sains & Pendidikan Kebangsaan	Dewan Sek. Men. Keb. Teknik, Segamat. Johor
23 – 25 August 2004	National Science and Education Carnival	Techincal Secondary School Hall, Segamat. Johor Bahru Takzim
26 Ogos 2004	Karnival Pendikan Tinggi & Pameran Kerjaya	Dewan Sri Ledang, Kolej Matrikulasi Johor
26 August 2004	Higher Education and Career Carnival	Sri Ledang Hall, Johor Matriculation College.
7 – 8 September 2004	Seminar & Ekspo Pendidikan IPT	Stadium Tertutup Kuala Selangor, Jalan Stadium, Kuala Selangor. Selangor Darul Ehsan
7 – 8 September 2004	IPT Educational Ekspo & Seminar	Indoor Stadium, Kuala Selangor, Stadium Road, Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan
23-25 September 2004	Pameran Pendidikan Dan Kerjaya	Dewan Serbaguna, Kolej Matrikulasi Perlis
	Education and Career Exhibition	Multi Purpose Hall, Perlis Matriculation College
3 – 4 Disember	Pameran Dan Ceramah Kerjaya	Dewan Razak, Kolej Mara Seremban
3 – 4 December	Career exhibition	Razak Hall, MARA College, Seremban
11 – 12 Disember 2004	The 15th Malaysian Education Fair	Mid Valley Exibition Centre Centre Court, Level 3, Kuala Lumpur.
11 – 12 December 2004	The 15th Malaysian Education Fair	Mid Valley Exhibition Centre, Centre Court, Level 3, Kuala Lumpur.

Dalam bencana ombak besar tsunami yang melanda negara pada Disember 2004, UPM merupakan antara IPTA yang terawal memberi bantuan kepada mangsa bencana tersebut.

3. Siri Syarahan Intelek

UPM sentiasa menganjurkan siri syarahan intelek dalam kampus bagi menggalakkan interaksi di kalangan komuniti intelektual. Aktiviti ini juga merupakan usaha untuk memperkenalkan kekuatan UPM kepada warga kampus dan pihak luar. Selain itu tokoh luar sama ada peringkat tempatan dan antarabangsa juga dijemput untuk berkongsi pegalaman dengan warga kampus. Beberapa siri syarahan tetap dalam kampus terdiri daripada Syarahan Inaugural, Wacana Intelek (anjuran CADE) dan Syarahan Awam Yayasan Pak Rashid. Pada 2004 juga, UPM telah berjaya membawa pemenang anugerah Nobel Laureatte (Kimia), Profesor Dr. Richard Ernst menyampaikan syarahan awam bertempat di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

3. Intellectual Seminar Series

UPM always organises a series of Intellectual Seminars on Campus to encourage intraction among the community of intellectuals. These activities also form part of the efforts to introduce UPM's strengths to the campus as well as the outside community. Both national and international experts are invited to share their experiences with the campus community. The permanent lecture series consist of Inaugural lectures, Intellectual discourses (sponsored by CADE) and Public lectures by the Pak Rashid Foundation.In 2004 UPM also succeeded in bringing over the winner of the Nobel Laureatte (Chemistry), Professor Dr. Richard Ernst, to present a public lecture at the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Cultural and Arts Centre.

Profesor Dr. Richard Ernst menyampaikan syarahan awam bertempat di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Jadual: Senarai Syarahan Antarabangsa /
Schedule: List of International Lectures

Tarikh / *Date*	Syarahan / *Lecture*
18 Mac 2004 18 March 2004	"Problem Based Learning" oleh Prof. Dr. David J. Johnston, Pengarah Pusat Pembangunan Pengajaran University Hong Kong. (Centre for the Advancement of University Teaching, Hong Kong University) "Problem Based Learning" by Prof. Dr. David J. Johnston, Director of the Centre for the Advancement of University Teaching, Hong Kong University)
24 Jun 2004 24 June 2004	En. Khalfan Mohammed Al-Osayree
20 Julai 2004 20 July 2004	Pemenang *Nobel Laureate* Prof. Dr. Richard E. Ernst, United Kingdom Winner of the *Nobel Laureate* Prof. Dr. Richard E. Ernst, United Kingdom
17 Ogos 2004 17 August 2004	"Hybrid Rice Research and Development" Oleh: Prof. Yuan Longping (Father of Hybrid Rice) Director General of China National Hybrid Rice Research and Development Center, China. "Hybrid Rice Research and Development" by: Prof. Yuan Longping (Father of Hybrid Rice), Director General of China National Hybrid Rice Research and Development Center, China.
7 Oktober 2004 7 October 2004	"WHO Perspective on Population Ageing" Oleh : Dr. John Cai (Coordinator, Health and Ageing Programmer WHO Centre for Health Development, Kobe, Japan).
8 Oktober 2004 8 October 2004	"Recent Trends in Scientific & Technological Development" Oleh : Prof. T.T. Tsong (Institute of Physics, Academia Sinica, Taipei, Taiwan, Republic of China "Recent Trends in Scientific & Technological Development" by : Prof. T.T. Tsong (Institute of Physics, Academia Sinica, Taipei, Taiwan, Republic of China)

Jadual: Senarai Syarahan Inaugural Tahun 2004 /
Schedule: List of Inaugural Lectures 2004

Tarikh / *Date*	NAMA Profesor / *Name of Professor*	Tajuk Syarahan / *Title of Lecture*
14 Februari 14 February	Prof. Dr. Jinap Selamat Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi Faculty of Food Science and Biotechnology	Cocoa-Wonders for Chocolate Lovers
13 Mac 13 March	Prof. Dr. Abdul Halim Shaari Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar Faculty of Science and Environmental Studies	High Temperature Superconductivity: Puzzle & Promises
27 Mac 27 March	Prof. Dr. Yaakob Che Man Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi Faculty of Food Science and Biotechnology	Oil and Fats Analysis – Recent Advances and Future Prospects
24 April	Prof. Dr. Kaida Khalid Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar Faculty of Science and Environmental Studies	Microwave Aquametry: A Growing Technology.
11 Mei 11 May	Prof. Dr. Hasanah Mohd. Ghazali Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi Faculy of Food Science and Biotechnology	Tapping the Power of Enzymes – Greening the Food Industry
22 Mei 22 May	Prof. Dr. Yusof Ibrahim Fakulti Pertanian Faculty of Agriculture	The Spider Mite Saga: Quest for Biorational Management Strategies
26 Jun 26 June	Prof. Datin Dr. Sharifah Md. Nor Fakulti Pengajian Pendidikan Faculty of Educational Studies	The Education of At-Rick Chiidren: The Challenges Ahead
14 Ogos 14 August	Prof. Dr. Ir. Wan Ishak Wan Ismail Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Agricultural Robot: A New Technology Development for Agro-Based Industry
28 Ogos 28 August	Prof. Dr. Ahmad Said Sajap, Fakulti Perhutanan Faculty of Forestry	Insect Diseases: Resources for Biopesticide Development

Jadual: Senarai wacana Intelek CADe dan Syarahan Awam yayasan Pak Rashid /
Schedule: List of intellectual discourses CADe and Pak Rashid Foundation public lectures

Tarikh / *Date*	Syarahan / *Lectures*
10 April 2004	Syarahan Awam Yayasan Pak Rashid oleh YB Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.
10 April 2004	Pak Rashid Foundation Public Lecture by YB Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin, Minister of Agriculture and Basic Agricultural Industries.
24 Mei 2004	Syarahan Awam "Higher Education Revolution" oleh Prof. Dato' Dr. Ibrahim b. Ahmad Barjunid, Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR)
24 May 2004	Public Lecture on "Higher Education Revolution" by Prof. Dato' Dr. Ibrahim b. Ahmad Barjunid, Tun Abdul Razak University (UNITAR)
11 Ogos 2004	Syarahan Awam " Pengkorporatan Institusi Pengajian Tinggi Awam: Masih Dalam Agenda? oleh Tan Sri Dato' Anwar Ali, Universiti Terbuka Malaysia. (Open University)
11 August 2004	Public Lecture "The Corporatisation of Institutions of Higher Learning: Still on the Agenda? Pengajian Tinggi Awam: by Tan Sri Dato' Anwar Ali, Open University Malaysia
8 Disember 2004	Wacana Intelek "Forum Strategi Pengajaran dan Pembelajaran di IPTA" oleh Prof. Dato' Dr. Zalizan Mohd Jelas, Prof. Dr. Khadijah Rohani Mohd Yunus dan Prof. Madya Dr. Zakaria Kasa
8 December 2004	Intellectual Discourse Forum on Teaching and Learning Strategies at Institutions of Higher Learning by Prof. Dato' Dr. Zalizan Mohd Jelas, Prof. Dr. Khadijah Rohani Mohd Yunus and Prof. Madya Dr. Zakaria Kasa

4. Penerbitan Korporat Dan Hubungan Media

Usaha untuk menjalinkan hubungan baik UPM dan pihak luar juga dijalankan melalui penyaluran maklumat penerbitan bahan-bahan bercetak secara berkala seperti Akhbar Tribun Putra, Buletin Fakulti dan Institut, Buletin Antarabangsa dan brosur program pengajian. Selain daripada itu UPM juga mengeluarkan kenyataan akhbar, mengaturkan sesi temuramah dalam media elektronik, mengeluarkan iklan korporat dalam akhbar tempatan, mengeluarkan iklan dalam direktori terkemuka tempatan dan antarabangsa bagi tujuan penyampaian maklumat yang lebih tepat dan berkesan.

4. Corporate Publications and Media Relationships

